



01-3170

# PEJUANG BERJURUS

Cetakan pertama: ... .. Oktober, 1993

**C** **Ruhanie Haji Ahmad**  
**Razak Rashid Ghows**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan  
mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam  
apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotostat,  
mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin  
bertulis daripada penerbit dan penulis.

**Rekabentuk/Typesetting:**

Suzlee Ibrahim

APB 1019100

**Penerbit:**  
NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
TITIAN KLASIK SDN.BHD.

Lot 1.36, Kompleks Wilayah  
Jalan Dang Wangi, 50100 Kuala Lumpur

Tel: 03-2912998. Fax: 03-2988557

**Pencetak:**

Hopak Sdn.Bhd.

62, Batu 5 1/2, Jalan Klang lama  
58200 Kuala Lumpur

**Harga: RM10.00**

M  
3. 2595  
RUH

5/11/93  
10/11/93

## KANDUNGAN

*Sekalung  
Penghargaan*

*Anak Tok Guru  
Yang Berjurus*

*Politik Johor  
Dilambung Badai* 3

*Gelora Tanjung Puteri  
Melanda Johor* 7

*Muhyiddin Diserang  
Merak Kayangan* 11

*Rindu Kedamaian  
Cetuskan PMJ* 19

*Perhimpunan Keramat  
Perangi Sengketa* 25

*PMJ Dapat Pujian  
Umat Melayu* 31

*PMJ Dorong Musa  
Masuk UMNO* 37

*Anjung Selatan  
Memburu Naga* 45

*PKENJ Cemerlang  
Bersama Muhyiddin* 53

*Johor Bergerak Pantas  
Menandingi Singapura* 57



<i>Tabung Warisan Milik Rakyat</i>	61
<i>Amanah Saham Johor Putera Pemikiran Muhyiddin</i>	65
<i>Saham Wakaf Johor Meru Ukhwah Islamiah</i>	71
<i>Basmi Kemiskinan Perjuangan Berterusan</i>	75
<i>Pindaan Perlembagaan Bukan Isu Politik</i>	81
<i>Sultan Dipujuk Dengan Budi Bahasa</i>	93
<i>Rakyat Tidak Bencikan Raja</i>	99
<i>Setiausaha Kerajaan Berpaling Tadah</i>	107
<i>Kabinet Bubarkan Askar Sultan Johor</i>	111
<i>Sultan Johor Bersyukur</i>	117
<i>Pemikiran Muhyiddin Tentang Kepemimpinan</i>	121
<i>UMNO Perlu Jauhari Bukannya Manikam</i>	131

## **SEKALUNG PENGHARGAAN**

*SETTINGGI-TINGGI* penghargaan kami berikan kepada Saudara Misrom Matleham serta anggota redaksi *BACKBENCH* yang banyak memberi bantuan editorial dalam proses kami menghasilkan buku ini.


Sekalung penghargaan juga kami huluskan kepada Saudara Johan Jaaffar, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, yang bermurah hati mengizinkan kami menerbitkan semula sebahagian daripada lidah pengarangnya mengenai pertandingan UMNO tahun ini yang disiarkan dalam Utusan Malaysia. Kami dapati ia amat serasi dijadikan penutup kepada buku ini.

Kami juga tidak melupakan sumbangan Pegawai Kewangan Negeri Johor, Dato' Dr. Shahir Nasir, Pustakaniaga Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ), Ketua Eksekutif Bahagian Pembangunan Perindustrian PKENJ, Encik Jaafar Yusof, Dr. Ibrahim Endan dari Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Johor, Encik Suleiman Ibrahim dari Pejabat Menteri Besar Johor dan Utusan Melayu (M) Bhd. atas sumbangan gambar-gambar.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Roslina Haji Atan, yang banyak membantu dalam kerja-kerja penyelidikan, mendapatkan bahan, mengedit dan sumbangan idea kepada kami.

Jasa dan pertolongan mereka amat dihargai dan disanjung tinggi.

Ruhanie Haji Ahmad  
Razak Rashid Ghows  
8 Oktober 1993.





*Tan Sri Haji Muhyiddin disifatkan oleh ramai temannya  
sebagai anak Tok Guru yang berjurus.*



*Pasangan bahagia Tan Sri Haji Muhyiddin dan Puan Sri Norainee.*

## **ANAK TOK GURU YANG BERJURUS**

*SEORANG* sahabatnya dari Tumpat, Kelantan, menyifatkan Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin sebagai seorang tokoh yang berani dan berjurus.

Perkataan berjurus memang sering digunakan oleh masyarakat Melayu Kelantan untuk menjelaskan sifat seseorang individu. Tetapi, perkataan ini amat asing kepada mereka yang di luar Serambi Mekah.

Kamus Dewan memberi berbagai erti kepada jurus. Satu daripadanya mengatakan bahawa jurus ertinya lurus. Satu lagi mengatakan bahawa jurus atau berjurus ertinya berbudi bahasa, berkelakuan baik, bersungguh-sungguh.

Jadi, apa yang ingin dikatakan oleh sahabatnya itu ialah Tan Sri Haji Muhyiddin adalah seorang yang "lurus, berbudi bahasa, berkelakuan baik dan bersungguh-sungguh."

Sifat kejurusan ini cuma sebahagian dari prasyarat yang diperlukan bagi seseorang pemimpin. Tetapi, sahabat dari Tumpat itu menekankan bahawa kejurusan adalah pra syarat yang utama.

Sebab itulah maka sahabat dari Tumpat itu mengatakan bahawa sifat kejurusan inilah yang wajar dinilai dan dianalisis. Sifat-sifat inilah juga, katanya, yang perlu dijadikan kategori utama untuk mengenali Tan Sri Haji Muhyiddin dengan lebih dekat lagi.

Katanya, sifat berani dan berjurus ini juga terpancar dalam diri Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tan Sri Haji Muhyiddin dilahirkan di Muar, Johor, pada 15 Mei 1947. Ayahnya adalah seorang tokoh agama yang dikenali sebagai Kiyai atau Tuan Guru Yassin.

Isterinya, Puan Sri Norainee Abdul Rahman, juga berasal dari Muar. Kini mereka mempunyai empat orang anak - Fakri Yassin, Nabilah, Najwa dan Farhan Yassin.

Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan. Pada waktu yang sama beliau belajar di Sekolah Arab sehingga darjah dua dan di Sekolah Agama sehingga darjah enam. Ayahnya banyak memberi asuhan serta pengetahuan agama kepadanya.

Tan Sri Haji Muhyiddin mendapat pendidikan Inggeris di High School Muar sehingga Tingkatan Enam. Pada tahun 1968 beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang Sastera dengan pengkhususan dalam Ekonomi. Beliau lulus dengan kepujian.

Mulai 1971, Tan Sri Haji Muhyiddin memasuki Perkhidmatan Awam Johor dan berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Latihan dan Basiswa). Berikutnya, beliau menjadi Penolong Pegawai Daerah Muar hingga 1974.

Tidak lama selepas itu Tan Sri Haji Muhyiddin menerokai dunia korporat dan menjadi Pengurus Perjawatan sebuah syarikat elektronik. Beberapa bulan berikutnya, beliau ditawarkan berkhidmat dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor di mana beliau diberi amanah menguruskan Sergam Berhad - anak syarikat kepada PKENJ.

Mulai 1977 Tan Sri Haji Muhyiddin dimandatkan oleh UMNO Johor untuk menguruskan Equitymal Johor Sdn. Bhd., satu-satunya syarikat pengedar kereta Mercedes-Benz di Johor.

Sebagai seorang yang prihatin terhadap kesejahteraan siasah bangsanya, Tan Sri Haji Muhyiddin menganggotai UMNO sejak tahun 1971. Lima tahun kemudian, pada 1976, beliau dilantik sebagai Setiausaha Perhubungan Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Johor.

Pada tahun 1978 Tan Sri Haji Muhyiddin menang dalam Pilihanraya Umum bagi kerusi Parlimen Pagoh. Setelah memenangi kerusi Parlimen Pagoh bagi kali kedua dalam tahun 1982, beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Luar dan kemudiannya Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan. Beliau menjadi Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dari 2 Jun 1983 hingga 14 Julai 1986.

Mulai April 1984, Tan Sri Haji Muhyiddin memegang jawatan Ketua UMNO Bahagian Pagoh. Pada waktu itu juga beliau adalah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bagi bahagian yang sama.

Tan Sri Haji Muhyiddin juga pernah menjadi Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Beliau menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Johor sehingga tahun 1987.

Dalam Pilihanraya Umum 1986, beliau dikembalikan ke Johor untuk bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri Bukit Serampang.

Mulai 13 Ogos 1986, beliau dilantik sebagai Menteri Besar.

Tan Sri Haji Muhyiddin dipilih menduduki kerusi Majlis Tertinggi UMNO pada 25 April 1987. Beliau pernah mencuba nasib bagi kerusi tersebut pada 25 Mei 1984 tetapi tewas dengan mendapat 509 undi. Mulai 17 Julai 1987, beliau dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Johor.

Beliau dikurniai Darjah Panglima Setia Mahkota (DPSM) yang membawa gelaran Tan Sri pada 24 September 1988. Pada 7 April 1991 Tan Sri Haji Muhyiddin dikurniai Darjah Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) Pangkat Pertama, iaitu darjah tertinggi Johor yang membawa gelaran Dato'.

Pada bulan November 1990, Tan Sri Haji Muhyiddin telah buat pertama kalinya menawarkan diri bagi jawatan Naib Presiden UMNO Malaysia dan mendapat tempat kelima dengan 582 undi.



*Beliau akan sekali lagi menawarkan diri untuk jawatan yang sama dalam Perhimpunan Agung UMNO pada 4 November 1993 ini.*

*Sepanjang kariernya dalam politik dan Kerajaan, Tan Sri Haji Muhyiddin telah merekodkan kecemerlangan. Atas kesedaran inilah kami berusaha mengumpulkan segala bahan dan fakta mengenai beliau, khususnya tentang liku-liku kepemimpinannya sejak menjadi Menteri Besar.*

*Mudah-mudahan buku ini dapat memberi gambaran yang jelas tentang kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin serta pemikirannya yang sentiasa mendepani zaman.*

*Ruhanie Haji Ahmad  
Razak Rashid Ghows  
8 Oktober 1993.*

***MENANGANI  
CABARAN***

**PERHIMPUNAN MELAYU JOHOR  
DIANJURKAN ATAS KEINSAFAN  
BAHAWA MELAYU ADALAH UMNO DAN  
UMNO ITULAH MELAYU. SEMUANYA  
DIUSAHAKAN DEMI KEKUKUHAN  
BENTENG, KUBU DAN WADAH  
PERJUANGAN UNGGUL LAGI  
TERCINTA YANG BERNAMA UMNO.**

## **POLITIK JOHOR DILAMBUNG BADAI**

PADA 27 Februari 1986, Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam, meletakkan jawatan. Maka meledaklah gelora dan badai politik yang berlarutan di Negeri Johor.

Para penyokong Dato' Musa ketika itu tidak tahu apa yang harus mereka lakukan. Dato' Musa tetap dengan hasratnya mahu bersara terus dari politik. Namun begitu, usaha untuk memujuknya masih diteruskan.

Anggota-anggota UMNO yang taksub dengan kepemimpinan Dato' Musa, tiba-tiba jadi terlalu sensitif dan bersikap konfrontasi dengan kepemimpinan UMNO Pusat.

Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin juga terkilan dengan perletakan jawatan Dato' Musa. Tetapi beliau tidak emosional. Beliau sentiasa tenang.

Ketika itu, beliau masih memegang jawatan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Kedudukan beliau dalam UMNO hanya sebagai Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Johor dan Ketua UMNO Bahagian Pagoh.

Enam bulan selepas Dato' Musa meletakkan jawatan, Pilihanraya Umum diadakan. Tan Sri Haji Muhyiddin dipulangkan ke Johor untuk bertanding di Dewan Undangan Negeri Bukit Serampang.

Penyokong-penyokong kuat Dato' Musa seperti Dato' Abdul Ajib Ahmad, bertanding bagi Parlimen

Mersing manakala Dato' Shahrir Samad tetap bertanding bagi Parlimen Johor Bahru.

Kedua-duanya menang. Kemudiannya mereka dilantik oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Menteri.

Dato' Musa juga turut bertanding dan memenangi semula kerusi Parlimen Kota Tinggi. Bagaimanapun, beliau hanya meneruskan karier politiknya sebagai *backbencher*.

Berlatarbelakangkan kemelut politik 1986 itulah, Tan Sri Haji Muhyiddin dilantik memegang jawatan Menteri Besar Johor pada 13 Ogos 1986, untuk menggantikan Dato' Ajib.

Semasa mengambil alih tampuk pemerintahan negeri, Tan Sri Haji Muhyiddin tidak serta merta dilantik sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Johor. Beliau hanya memegang jawatan itu pada 17 Julai 1987.

Tidak seperti Dato' Ajib dan Dato' Shahrir, Tan Sri Haji Muhyiddin tidak pernah berkhidmat secara langsung dengan Dato' Musa. Bagaimanapun, Dato' Musa adalah tokoh yang mendorong beliau memenangi jawatan Ketua UMNO Bahagian Pagoh.

Sebab itulah Tan Sri Haji Muhyiddin lebih dilihat sebagai tokoh baru yang dihantar oleh pucuk pimpinan Pusat untuk memimpin Johor di zaman pasca Dato' Musa dan Dato' Ajib.

Beliau telah memanfaatkan pengalaman-pengalaman yang pernah dilaluinya sewaktu memegang beberapa jawatan di peringkat Pusat, iaitu sewaktu menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri,

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, untuk menerajui kepemimpinan parti dan Kerajaan Johor.

Maka beliau pun berusaha dengan penuh komitmen dan dedikasi untuk mencemerlangkan rakyat dan Negeri Johor. Bagaimanapun, tidak lama selepas itu beliau mula dilanda cabaran.

Pada suatu hari, Tan Sri Haji Muhyiddin, Dato' Ajjib, Dato' Shahrir, Saudara Sulaiman Aris dan Saudara Ruhanie Haji Ahmad, telah diundang ke kediaman Dato' Musa di Selekoh Tunku, Kuala Lumpur.

Dalam pertemuan itulah beliau dan lain-lainnya telah diberitahu oleh Dato' Musa bahawa beliau (Dato' Musa) akan berganding bahu dengan Tengku Razaleigh Hamzah untuk menentang Dato Seri Dr. Mahathir dalam pemilihan UMNO pada November 1987.

Di pertemuan itulah Dato' Musa telah menyatakan hasratnya untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO dan akan bekerjasama dengan Tengku Razaleigh.

Ketika itu, Tan Sri Haji Muhyiddin telah memegang jawatan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Johor. Beliau kurang senang dengan keputusan Dato' Musa itu.

Walaupun demikian, beliau memberitahu Dato' Musa bahawa beliau akan menyokong keputusan Dato' Musa untuk mempertahankan jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Bagaimanapun, dengan tegas Tan Sri Haji Muhyiddin berkata bahawa beliau tetap tidak akan sekali-kali

menyokong hasrat Tengku Razaleigh untuk merebut jawatan Presiden UMNO dari Dato Seri Dr. Mahathir.

Dato' Musa dikatakan menghormati pendirian Tan Sri Haji Muhyiddin. Tetapi, mulai hari itulah beliau di-cap oleh segelintir masyarakat UMNO Johor sebagai *orang Mahathir*.

Hakikat ini memberi cabaran yang hebat kepada Tan Sri Haji Muhyiddin kerana di waktu beliau memang perlu memberi sokongan kepada Dato' Musa, Dato Seri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba yang bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden adalah ketuanya dalam Kerajaan.

Selepas pemilihan UMNO 1987 yang menyaksikan kekalahan Tengku Razaleigh dan Dato' Musa, Dato' Ajib dan Dato' Shahrir digugurkan dari Kabinet.

Perkembangan ini semakin menyulitkan kedudukan Tan Sri Haji Muhyiddin sebagai Ketua Perhubungan UMNO Johor dan Menteri Besar. Beliau terpaksa menghadapi *sentimen anti - Dr. Mahathir* yang amat ketara di Johor ketika itu.



*Tan Sri Haji Muhyiddin dan Dato Seri Dr. Mahathir pada satu perjumpaan bersama rakyat di Sri Gading.*





*Tan Sri Haji Muhyiddin semasa menerima watikah perlantikan jawatan sebagai Menteri Besar dari Sultan Iskandar.*

## GELORA TANJUNG PUTERI MELANDA JOHOR

KESULITAN yang melanda Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin menjadi lebih kritikal apabila UMNO diharamkan pada 4 Februari 1988. Walaupun sebelas hari kemudiannya UMNO dihidupkan semula, ramai keluarga perjuangan di Johor yang enggan mengiktiraf parti tersebut.

Waktu itu beliau dicengkam sepi dan bimbang yang memuncak. Beliau sentiasa mencari jalan sebaik-baiknya untuk menyatupadukan Melayu Johor dalam wadah politik UMNO yang baru.

Namun begitu, beberapa hari selepas itu, meletus pula keputusan Mahkamah Tinggi Johor Bahru bahawa pilihanraya bagi Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri adalah tidak sah.

Maka, Pilihanraya Kecil DUN Tanjung Puteri pun di adakan semula pada 6 Mac 1988. Pada ketika itu UMNO (Baru) belum ada ahli, cawangan ataupun bahagian.

Calon Barisan Nasional bagi Pilihanraya Kecil DUN Tanjung Puteri, Allahyarham Dato' Yunus Sulaiman, merupakan ahli UMNO pertama di Johor, di samping Tan Sri Haji Muhyiddin pada ketika itu.

Dato' Shahrir Samad selaku bekas Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru menjadi Pengerusi Bilik Gerakan. Beliau tidak membayangkan sebarang bantangan dalam menjalankan tanggungjawabnya. Segala-galanya ditangani secara tenang.

Dato' Musa Hitam juga turut membantu. Beliau turut berkempen untuk menjanjikan kemenangan calon Barisan Nasional. Begitu juga lain-lain tokoh Johor yang kemudiannya *menyepikan diri buat sementara dari UMNO yang baru dipulihkan*.

Keputusannya, Barisan Nasional menang. BN mendapat 10,181 undi manakala PSRM memperolehi 10,150 undi. Majoritinya, 31 undi, adalah satu kemenangan yang amat tipis.

Tan Sri Haji Muhyiddin bimbang dengan hakikat tersebut. Beliau khuatir keputusan tersebut adalah mukadimah kepada sesuatu perkembangan politik yang lebih besar di Negeri Johor.

Dalam pada itu, pada 7 April 1988, Dato' Musa dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja UMNO Bahagian Segamat. Atas alasan-alasan tertentu, Dato' Musa pula mengambil pendirian untuk berkecuali dari menjadi anggota UMNO. Beliau mengumumkan perkara ini sesudah satu majlis Aidilfitri di Segamat.

Situasi tersebut pastinya menjadikan politik Johor lebih tidak stabil. Gelora yang menampakkan dirinya seperti riak-riak kecil di permukaan danau yang tenang, semakin membimbangkan Tan Sri Haji Muhyiddin.

Bagaimanapun, beliau terus berusaha menyatupadukan Melayu Johor di dalam UMNO. Tetapi, pada waktu yang sama, angkatan Tengku Razaleigh Hamzah pula sentiasa melanda Johor dengan ceramah dan pidato yang amat meracuni pemikiran orang Melayu.

Enam bulan berikutnya, Dato' Shahrir pula mengosongkan kerusi Parlimen Johor Bahru yang dimenanginya atas tiket Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum 1986.

Akibatnya, satu Pilihanraya Kecil terpaksa diadakan di Johor Bahru. Dato' Shahrir bertanding semula atas tiket Bebas yang menggunakan kunci sebagai simbol.

Maka, kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin pun terus-menerus digugat oleh perkembangan politik yang bukan pilihannya. Maka, beliau pun menjadi mangsa perkembangan dan kemelut itu.

Bagaimanapun, perkembangan dan kemelut inilah yang telah bertanggungjawab untuk mendewasakan Tan Sri Haji Muhyiddin dalam politik.

Kedewasaan itu, akhirnya dijadikan bekal semangat untuk beliau merancang dan melaksanakan program perpaduan ummah dan program pembangunan ekonomi di Johor.



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama Dato Dr. Mahathir pada satu majlis perjumpaan selepas menang tanpa bertanding bagi kerusi DUN Bukit Serampang.*

## MUHYIDDIN DISERANG MERAK KAYANGAN

PILIHANRAYA Kecil Parlimen Johor Bahru pada 25 Ogos 1988, iaitu selepas 6 bulan 21 hari UMNO diharamkan, merupakan gelora politik paling besar yang terpaksa ditangani oleh Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, sebagai pemimpin politik dan pentadbir Negeri Johor.

Implikasi dari keputusan Dato' Shahrir Samad mengosongkan kerusinya ternyata telah mengheret perhatian seluruh pihak di Malaysia dan dunia ke Johor Bahru.

Tan Sri Haji Muhyiddin tidak mahu membuang masa untuk mencari rasional mengapakah Kerusi Parlimen Johor Bahru dikosongkan dan kemudiannya ditandingi semula oleh individu yang sama atas tiket Bebas.

Bagaimanapun, majoriti orang Melayu di seluruh negara mentafsirkan perbuatan tersebut sebagai tindakan yang disengajakan, terlalu emosi dan kurang matang.

Mereka beranggapan bahawa tindakan itu sekadar mahu menguji populariti di samping mencari kesempatan untuk melepaskan dendam kesumat, berkonfrantasi dan mengganyang habis-habisan pucuk kepimpinan UMNO Pusat dan Negeri Johor atas sebab-sebab peribadi.

Sebilangan besar orang Melayu juga menyifatkan perbuatan tersebut sebagai usaha untuk menguji pe-

ngaruh UMNO yang baru bangkit dari sisa-sisa kematiannya dan sekaligus sebagai percubaan untuk melumpuhkan kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Haji Muhyiddin.

Tetapi, walau apapun tafsirannya, tindakan itu memang telah mencetuskan gelora politik yang amat besar, panas dan mencemaskan.

Sebab itulah Pilihanraya Kecil itu menjadi medan pertarungan politik paling sengit dalam sejarah pilihanraya di Negeri Johor dan mungkin juga di negara ini.

Namun begitu, Tan Sri Haji Muhyiddin tidak gentar dan tidak melatah. Beliau terus bertindak secara waras dan rasional. Jentera pilihanraya Barisan Nasional di-kerah untuk bekerja keras, walau dalam keadaan tertekan.

Bagaimanapun, perlu disebutkan di sini bahawa dilema dan kekeliruan sentiasa menyelubungi perjalanan Pilihanraya Kecil yang membariskan tiga calon - Haji Mas'ud Haji Abdul Rahman (BN), Dato' Shahrir Samad (Bebas) dan Abdul Razak Ahmad (PSRM).

Keadaan ini terjadi kerana ketika itu orang Melayu Johor memang sedang berhadapan dengan *uncertainties*, atau ketidaktentuan yang amat parah.

Ketika itu, mereka masih lagi meratapi kematian UMNO. Mereka juga sedang diracuni dakyah bahawa UMNO yang dihidupkan semula kononnya adalah sebuah parti politik yang tidak menjiwai perjuangan UMNO yang sebenar-benarnya.

Para pengundi Johor Bahru juga dicengkam dilema kerana dalam keghairahannya berkempen, Calon Be-

bas mengatakan bahawa beliau tetap mengiktiraf dan menyokong kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin sebagai Menteri Besar Johor. Tetapi, Calon Bebas itu menentang kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir.

Tan Sri Haji Muhyiddin tidak mudah terperangkap dengan dakyah perang saraf sedemikian. Beliau menyifatkan kenyataan Calon Bebas itu sebagai satu permainan *kayu tiga* untuk mengelirukan para pengundi.

Maka, selaku Pengarah Pilihanraya tersebut, beliau pun merencanakan pelbagai program kempen untuk mempertahankan kepercayaan seluruh ahli UMNO dan pengundi Johor Bahru terhadap Barisan Nasional.

Bagaimanapun, situasi di Johor Bahru sepanjang kempen berlangsung jelas dramatik dan berbahaya. Calon Bebas dan simbol kuncinya memang kelihatan ghairah dan angkuh, seolah-olah *merak kayangan* yang maha hebat.

Pihak DAP turut mengambil kesempatan. Memang tidak ada pihak yang dapat memastikan bentuk kerjasama yang telah dimeteraikan antara DAP dengan pihak Calon Cap Kunci.

Pokoknya, DAP memang turut membantu Calon Bebas, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Parti tersebut turut meracuni pengundi Johor Bahru dengan edaran risalah-risalah menghasut rakyat menentang Kerajaan.

Di Pilihanraya Kecil itu juga, Calon Bebas terbabit mendapat *moral booster* atau penggalak semangat dari bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.



Bapa Kemerdekaan yang uzur turut diheret ke gelanggang untuk memperhebatkan lagi serangan kepada kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir dan Tan Sri Haji Muhyiddin.

Potret Allahyarham Tun Abdul Razak dan potret Allahyarham Tun Dr. Ismail juga dijadikan bahan meraih sokongan oleh pihak Calon Bebas.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam, yang ketika itu memilih untuk berkecuali dari menganggotai UMNO, pun turut diheret untuk berkempen menerusi pita video yang diedar secara meluas.

Pendek kata, Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru adalah satu pentas politik di mana pihak yang memusuhi kepemimpinan Dato Seri Mahathir bertindak secara liar dan kasar.

Maki-hamun dan cerca-nista pada ketika itu di ketengahkan secara berleluasa. Tidak ada perkataan yang tepat untuk menjelaskan keadaan. Tetapi, mungkin tepat jika dikatakan bahawa pada ketika itu, kelihatannya politik Melayu seolah-olah sudah kehilangan susila dan budaya.

Namun begitu, kejayaan memihak kepada pihak Calon Bebas. Barisan Nasional tewas dengan majoriti yang besar. Keputusannya ialah, Dato' Shahrir meraih 23,581 undi, Haji Mas'ud mendapat 10,968 undi dan Abdul Razak memperoleh 2,260.

Sebagai seorang pemimpin, Tan Sri Haji Muhyiddin telah berusaha dengan penuh taqwa untuk mencapai kemenangan. Sebagai seorang manusia, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap hampa dengan keputusan tersebut.

Namun beliau tetap menerima Qada' dan Qadar pemberian Allah SWT.

Tetapi, pilihan pengundi adalah muktamad. Beliau tetap menghormati keputusan tersebut kerana itulah amalannya dalam sesuatu sistem demokrasi.

Biarpun kekalahan adalah sesuatu yang menyiksa jiwa, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap bersabar. Beliau insaf, kekalahan juga boleh mendewasakan tekad perjuangannya.

Sebab itu, adalah kurang bijak bagi pihak yang mempersenda-sendakan kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir dan kepemimpinan beliau sendiri sesudah kekalahan tersebut.

Namun begitu, dengan perasaan *humiliation* yang amat dahsyat, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap terus bertegas untuk mempertahankan kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir.

Beliau bertegas bagi membersihkan imej kepemimpinan Pusat dan Negeri dari terus dipersenda dan dipermainkan oleh Dato' Shahrir dan konco-konconya.

Biarpun pihak yang menang semakin mendabik dada, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap yakin bahawa kemenangan itu hanya sesuatu yang sementara.

Buktinya, barisan yang mengigal bagai *merak kayangan*, telah ditumpaskan dalam Pilihanraya Kecil Dewan Undangan Negeri Parit Raja dan juga Tambatan.

**Pilihanraya Kecil DUN Kawasan Parit Raja  
20 Oktober 1988**

<b>Mohd. Yasin Kamari</b>	<b>(BN)</b>	<b>7,262 undi</b>
Haji Hamdan Haji Yahya	(Bebas)	6,849 undi
Mohd. Amin Mohd. Noor	(Bebas)	67 undi
Aman Abdullah	(Bebas)	42 undi
Harun Abdul Samad	(Bebas)	30 undi
Mohd. Yusof Anjau	(Bebas)	13 undi
Mohd. Kelana Ahmad	(Bebas)	9 undi
<b>Majoriti</b>		<b>413 undi</b>

**Pilihanraya Kecil DUN Kawasan Tambatan  
5 Ogos 1989**

<b>Haji Adul Kadir Annuar</b>	<b>(BN)</b>	<b>7,598 undi</b>
Lt. Jen. (B) Dato' Jaafar Onn	(S 46)	6,523 undi
Ngiam Ying Hong	(Bebas)	111 undi
Mohammed Hattar Abdullah	(Bebas)	29 undi
<b>Majoriti</b>		<b>1,075 undi</b>



*Tan Sri Haji Muhyiddin menyampaikan cendera hati kepada Dato' Kiyai Haji Shamsuddin Haji Reduan.*



*Kemenangan Barisan Nasional pada Pilihanraya Kecil Parit Raja berjaya membersihkan imej kepemimpinan di peringkat pusat dan negeri.*

## RINDU KEDAMAIAN CETUSKAN PMJ

TAN SRI Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin adalah tokoh yang sentiasa menitik-beratkan perpaduan dalam kepemimpinan politikanya. Agenda demi agenda perpaduan diterokai tanpa bosan dan putus asa. Klimaks kepada usaha-usahanya ialah Perhimpunan Melayu Johor, yang di adakan pada 18 Disember 1988.

Biarpun perhimpunan tersebut dikendalikan oleh kumpulan Anak Melayu Johor yang bebas dari ikatan politik UMNO, tetapi *mastermindnya* adalah Tan Sri Haji Muhyiddin sendiri.

Di antara tokoh politik yang turut membantu beliau untuk merintis usaha damai tersebut termasuklah Dato' Musa Hitam, Haji Abdul Ghani Othman, Dato' Shahrir Samad dan tokoh veteran, Dato' Haji Redzuan Salim.

Ini membuktikan bahawa Dato' Musa mempunyai *ruang kasih* kepada kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin. Begitu juga dengan Dato' Shahrir, walaupun beliau sering memilih untuk meniti kontroversi.

Kumpulan di ataslah yang kemudiannya memohon restu Tun Hussein Onn untuk menjadi penasihat Perhimpunan Melayu Johor dan menerima kesanggupan Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Jalil Hassan untuk menjadi pengerusinya.

Tan Sri Haji Muhyiddin yang pada ketika itu sentiasa dikembari oleh Haji Abdul Ghani, kemudiannya menerima *gurka-gurka* yang terdiri dari berbagai pi-

hak termasuk tokoh akademik, ahli ekonomi, budayawan, sejarahwan dan juga ulama.

Badan penganjur Perhimpunan tersebut terdiri sebagai persatuan Melayu di Johor. Ini termasuklah persatuan yang mewakili para penarik beca, pedagang, petani, nelayan, buruh, imam, kadi, naib kadi, ketua kampung, penghulu, guru, kakitangan awam, anak Melayu Johor di Wilayah Persekutuan dan lain-lainnya.

Keluarga penganjur ini bukan sahaja berkorban masa, malahan juga memberi sumbangan moral dan wang ringgit. Mereka berusaha menyatupadukan Melayu Johor tanpa sebarang prejudis terhadap pangkat dan darjat.

Segala usaha yang dijalankan oleh semua pihak adalah secara suka rela. Segala-galanya dilakukan demi Johor. Segala-galanya dilakukan dengan serius, tekun dan penuh kebijaksanaan.

Pada waktu-waktu tertentu, terdapat ketegangan yang mengancam lagi mendebarkan. Tetapi, terdapat juga lebih waktu yang mana tugas dan tanggungjawab ke arah perpaduan itu di jalankan dengan penuh kemesraan.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana agenda perpaduan hasil cetusan pemikiran Tan Sri Haji Muhyiddin itu telah berjaya dilaksanakan.

Bagaimanapun, tidak ramai yang tahu bahawa agenda yang menjurus kepada Perhimpunan Melayu Johor ini sebenarnya mula dicetuskan sewaktu Tan Sri Haji Muhyiddin sedang bertungkus-lumus menangani

Pilihanraya Kecil DUN Parit Raja di Batu Pahat pada 20 Oktober 1988.

Sewaktu melalui bahang dan kehangatan rasa sengketa orang Melayu yang berkempen di Parit Raja, Tan Sri Haji Muhyiddin sempat berbisik sendirian.

Katanya, sampai bilakah Melayu perlu berpecah-belah? Katanya lagi, tidakkah perpaduan itu merupakan kunci utama yang telah menggerakkan kebangkitan kemerdekaan tanah air?

Suara hati kecil tersebut diulangkannya kepada Dato' Haji Redzuan, Haji Ghani dan sahabat-sahabat karibnya. Kata mereka, suara hati kecil Tan Sri Haji Muhyiddin itu adalah suara yang merindukan kemuafakatan di kalangan Melayu Johor.

Maka, suara rindu yang amat syahdu itu pun digelorkan sepanjang masa berkempen di Parit Raja. Akhirnya, suara rindu-rinduan itu pun diperhalusi. Hasilnya adalah Perhimpunan Melayu Johor dan Resolusi Melayu Johor.

Namun begitu, Tan Sri Haji Muhyiddin tidak bertindak secara melulu dan penuh emosi. Beliau membawa hasrat untuk menganjurkan Perhimpunan Melayu Johor itu kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Oleh kerana usaha itu amat murni, walaupun terdapat pihak yang skeptikal mengenainya pada peringkat awalnya, Tan Sri Haji Muhyiddin pun menerima restu Presiden UMNO.

Begitulah prihatinnya Tan Sri Haji Muhyiddin dalam usaha mencari kedamaian dan permuafakatan politik di Johor. Baginya, agenda perpaduan Melayu perlu berjalan berterusan.



Beliau sentiasa yakin bahawa *bersatu teguh, bercerai roboh*. Beliau juga faham bahawa tiada perpecahan yang tidak boleh disatukan semula.



*Tan Sri Haji Muhyiddin senang bergaul dengan sesiapa sahaja termasuk kanak-kanak.*



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama Tun Dr. Awang Hassan.*

## PERHIMPUNAN KERAMAT PERANGI SENGKETA

18 DISEMBER 1988: Sebilangan besar keluarga perjuangan politik Melayu Johor dari seluruh pelusuk tanah air berkampung di Kompleks Islam Johor Bahru. Pangkat dan darjat diketepikan. Prasangka dan sengketa dilontarkan. Mereka pulang dengan satu cita-cita murni untuk memerangi persengketaan dan konfrontasi.

Mereka terdiri dari pelbagai latarbelakang - ulama, cendikiawan, ahli ekonomi, sasterawan, wartawan, tokoh pasukan keselamatan, usahawan, profesional, tokoh perkhidmatan awam, pendidik, penghulu, ketua kampung, imam, petani, penarik beca, nelayan, penjaja kecil dan lain-lainnya.

Mereka pulang ke bumi tumpah darah untuk melaksanakan agenda perpaduan yang dicetuskan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin. Mereka pulang untuk menghadiri Perhimpunan Melayu Johor yang mana antara matlamat yang terkandung di dalam kertas-kerjanya adalah seperti berikut:

*Kita berhimpun pada hari ini dengan satu tekad dan tujuan suci, iaitu memenuhi cabaran kepada diri kita sendiri bahawa kita bangsa Melayu di Johor, dari segenap lapisan rakyat, dari segenap pelusuk negeri, dari berbagai golongan iktisas berupaya untuk mengenyahkan perbezaan fahaman dan pandangan, berupaya untuk mengenyahkan kepen-*

*tingan peribadi dan kepentingan mana-mana golongan semata-mata bagi memadukan hasrat seluruh rakyat Johor ke arah perjuangan memelihara dan mempertingkatkan martabat serta kesejahteraan kita bersama.*

*Sesungguhnya perjuangan seumpama ini perlu kepada asas pepaduan azam dan cita-cita, pepaduan tenaga dan moral dan pengembelengan tenaga kita semua.*

*Kita memilih saat dan masa ini semata-mata atas keinsafan bahawa bibit-bibit keretakan dalam kebulatan tekad dan perpaduan tenaga kita kelihatan telah menular ke tahap yang melemahkan kita - mengancam tradisi kebulatan tekad dan tenaga rakyat Johor yang selama ini menjadi asas kejayaan kita bertindak.*

Maka, dengan tekad, azam serta cita-cita yang membara serta dengan penuh tradisi, sopan-santun dan susila yang menunjangi Islam, mereka pun menghulurkan tangan, bersalam-salaman, bermaaf-maafan sambil memperkukuhkan semula silatur-rahim dan ikrar perjuangan demi kesejahteraan bangsa yang bermartabat.

Begitulah tercatatnya sejarah keramat Perhimpunan Melayu Johor - satu perhimpunan mencari serapah-mentera untuk mententeramkan haru-biru, ribut-taufan dan badai-gelora yang menggugat keharmonian iklim politik bumi Darul Ta'zim sejak hampir setahun sebelumnya.

Perhimpunan itu juga adalah proses pengungkapan doa-restu untuk mentalqinkan seluruh calar-balar,

parut-luka dan rasa sengketa di dasar kalbu pejuang-pejuang politik yang penuh wibawa.

Segala-galanya dianjurkan atas keinsafan bahawa Melayu adalah UMNO dan UMNO itulah Melayu. Semuanya diusahakan demi kekukuhan benteng, kubu dan wadah perjuangan unggul lagi tercinta yang bernama UMNO.

Maka, dengan dada yang terbuka, jiwa yang luhur dan niat yang murni, keluarga perjuangan Melayu Johor yang berhimpun pada hari tersebut pun menyatupadukan pemikiran dan tindakan membanteras rasa sengketa serta keadaan kecurar-kaciran.

Lantas mereka pun menyusur kembali liku-liku kecemerlangan perjuangan Melayu yang nostalgik menerusi kertas kerja yang dibentangkan oleh Dato' Lokman Musa.

Sambil menghayati input kesedaran yang diadunkan ke dalam kertas kerja tersebut, mereka yang hadir pun menyingkirkan segala cerita jiwa yang luka di Tanjung Puteri. Mereka ketepikan kisah derap perjuangan yang terkunci mati di Johor Bahru. Juga perihal ikan yang tertuba di Parit Raja.

Mereka insaf bahawa perpaduanlah yang menunjangi segala kisah kejayaan dan kecemerlangan Melayu selama ini. Mereka insaf bahawa dalam tempoh lebih kurang setahun sebelum Perhimpunan tersebut, ciri-ciri perpaduan di kalangan Melayu Johor khususnya, memang terlalu sukar untuk berkembang segar. Mereka insaf bahawa hidup dalam konfrontasi dan persengketaan akan memundurkan mereka ke suatu tahap tamadun yang primitif.

Perhimpunan yang menugaskan Dato' Abdul Kadir Talib, Mufti Wilayah Persekutuan, sebagai pengerusi pembentangan kertas kerja itu mengakui bahawa kata-kata seperti UMNO tetap UMNO yang dilafazkan oleh pucuk kepimpinan silam adalah satu restu, hasrat dan cita-cita ke arah memastikan bahawa prinsip kesinambungan wadah perjuangan yang sah akan terpelihara selama-lamanya.

Perhimpunan yang turut dihadiri oleh Tun Hussein Onn selaku penasihat, Setiausaha Agung UMNO, Dato' Mohamad Rahmat, Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Jalil Hassan sebagai pengerusi serta Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin dan Dato' Musa Hitam merumuskan enam resolusi ke arah perpaduan dan perdamaian Melayu Johor dan seluruhnya.

Di akhir Perhimpunan keramat itu, masing-masing berpeluk-pelukan. Sesetengahnya melinangkan air-mata gembira. Jeritan kata-kata *Hidup Melayu menggema*.

Maka, luka di Johor Bahru pun ditemui ubatnya. Parut di Parit Raja diharapkan hilang kesannya. Kiam-bang dijangka kembali bertaut dan air akan terus mengalir tanpa putus-putus. Insya Allah, iklim siasah Melayu Johor akan kembali normal. **KEPADA ALLAH BERSERAH.**



*Raptai Raksaksa di perkarangan Istana Besar sempena sambutan kelahiran UMNO.*





*Tenaga penggerak di sebalik Perhimpunan Melayu Johor.*

## PMJ DAPAT PUJIAN UMAT MELAYU

20 DISEMBER 1988: Perhimpunan Melayu Johor yang telah memahatkan perpaduan ke jiwa sebilangan besar orang Melayu demi UMNO, agama, bangsa dan negara, telah menerima reaksi positif dari berbagai pihak.

Terdapat kumpulan yang menyifatkannya sebagai bayangan perpaduan yang sangat dirindui. Wujud pula kalangan yang mengatakan bahawa perhimpunan berkenaan benar-benar membuktikan bahawa *Melayu itu UMNO dan UMNO itu Melayu*.

*Bapa Perpaduan Melayu Johor*, Allahyarham Tun Hussein Onn, dengan bangganya menyifatkan perhimpunan itu sebagai *suatu usaha tulen menyatupadukan orang Melayu*. Resolusinya pula adalah *perkara asas memulihkan semula UMNO*.

Begitulah rantai-kesan Perhimpunan Melayu Johor. Walaupun skop penganjurannya cuma khusus untuk Johor, implikasinya terus merebak luas ke seluruh negara.

*Utusan Malaysia* mengulas perhimpunan tersebut sebagai *sumbangan positif* dalam usaha mengembalikan perpaduan Melayu dalam UMNO. Sambil menyifatkan beberapa tuntutan yang terangkum dalam resolusinya *bukanlah cadangan yang sukar untuk dipenuhi*, akhbar berkenaan berharap agar *semangat perpaduan Melayu dalam UMNO yang disemai di Johor itu hendaklah terus dinyalakan di negeri-negeri lain*

yang mana perpaduan Melayu dalam UMNO menghadapi masalah terutamanya di Kelantan, Perak dan Negeri Sembilan.

Berita Harian berkata: Sesungguhnya Perhimpunan Melayu Johor bolehlah dianggap sebagai langkah baik dan bijak ke arah membalut luka perpecahan dalam perpaduan Melayu.

Ini bukan sahaja kerana cendekiawan Melayu terbabit secara langsung, tetapi usaha itu mendapat sokongan pelbagai pihak yang bertikai. Kita memandang natijah perhimpunan itu sebagai suatu usaha sungguh-sungguh Tan Sri Haji Muhyiddin untuk menghimpun tenaga Melayu bagi menghadapi masa depan yang lebih mencabar dan untuk menjadikan Melayu bangsa bermaruah dan bermartabat tinggi.

Akhbar tersebut juga membuat *observation* bahawa sekurang-kurangnya di peringkat ini orang Melayu, walaupun dalam kes ini terhad di Johor, sudah boleh duduk semeja dan makan bersama untuk bertukar-tukar fikiran mengenai masa depan anak bangsa mereka.

Dendam kesumat dan rasa hasad dengki yang menyaluti perasaan sejak lebih setahun lalu kini sudah mulai menipis dan kita yakin ia akan mekar menjadi rasa santun dan sayang sebagai orang yang bersaudara.

Seterusnya, akhbar tersebut berkata bahawa yang penting ialah bahawa semua pihak yang terbabit, tidak kira apakah pandangan politik mereka sebelum ini, akur bahawa UMNO ialah parti mutlak orang Melayu.

*Perhimpunan itu menginsafi bahawa Melayu Johor ialah UMNO dan UMNO itu adalah Melayu. Lantas setiap yang berhimpun di Kompleks Islam itu menerima hakikat jika ada perbalahan atau perpecahan dalam UMNO bererti berlaku perpecahan di kalangan umat Melayu.*

*Lebih memberangsangkan ialah apabila tokoh-tokoh politik yang menyertai Perhimpunan itu sebagai pemerhati seperti Dato' Musa Hitam sendiri mengakui bahawa rumusan Perhimpunan jelas menunjukkan hasrat Melayu Johor agar perpaduan Melayu dililiti dalam ikatan parti UMNO sebagai parti dan bangsa yang satu. Beliau insaf bahawa itu adalah kehendak orang Melayu Johor.*

*Paling penting ialah baik Dato' Musa, ataupun ahli-ahli politik lain yang menyertai Perhimpunan itu, akhirnya bersetuju bahawa rumusan enam perkara itu dikemukakan pada pucuk pimpinan UMNO.*

*Alhamdulillah. Sekurang-kurangnya di peringkat ini sudah ada tolak ansur yang jelas. Bahawasanya setiap golongan di Perhimpunan itu bukan sahaja mengakui bahawa UMNO sebagai wadah politik yang tunggal bagi orang Melayu tetapi mengiktiraf barisan pemimpin UMNO sekarang sebagai penerus perjuangan politik orang Melayu.*

*Hakikat bahawa semuanya bersetuju supaya rumusan itu dikemukakan kepada pucuk pimpinan UMNO melalui pengerusi Perhimpunan, Tan Sri Dato' Dr. Jalil Hassan dan Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin, membuktikan pengiktirafan ini.*

Riak kesan Perhimpunan Melayu Johor tidak berakhir di situ sahaja. Beberapa pemerhati politik menyorotnya menerusi *Watan*.

Mereka tidak mempertikaikan faedah dan kebaikan Perhimpunan tersebut. Mereka berpendapat, memang wajar Perhimpunan tersebut dianjurkan di Johor - bukan atas semangat kedaerahan ataupun ke-negerian, tetapi kerana Johorlah satu-satunya negeri yang paling teruk dilanda gelora 46 berikutan Pilihan-raya Kecil Parlimen Johor Bahru dan Dewan Undangan Negeri Parit Raja.

Pemerhati-pemerhati politik itu juga menyifatkan Resolusi Melayu Johor sebagai *cukup menarik sebagai langkah awalan untuk membawa UMNO pulang bersatu dan sudah pasti tidak sesiapa mungkin mahu menolaknya, malah tidak akan terdaya sesiapa menolak perpaduan*.

*Watan* sendiri nampaknya bersikap optimis terhadap Perhimpunan Melayu Johor yang disifatkannya sebagai *bayangan perpaduan Melayu seluruhnya*.

Katanya, *sambutan terhadap Perhimpunan berkenaan dan resolusinya amat menggalakkan. Perhimpunan tersebut benar-benar berjaya mendokong matlamatnya untuk menyatupadukan semula masyarakat Melayu di Johor*.

*Langkah yang diambil oleh Melayu Johor pimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin itu pula wajarlah diikuti oleh lain-lain negeri kerana ternyata melalui Perhimpunan yang dianjurkan bersama tanpa mengira puak itu suatu jambatan perpaduan sudah mulai wujud*.

*Watan* juga berpendapat, adalah jelas bahawa keinginan umat Melayu untuk bersatu semula dan melupakan persengketaan yang lalu telah mula ber-cambah.

*Dan, di tengah arus keinginan untuk berpadu dan menyelesaikan masalah seperti yang terbayang sekarang, barang siapa yang terus ingin menentang nya akan menjadi golongan terpencil.*

Begitulah hasil agenda perpaduan UMNO Johor yang diilhamkan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin. Kedudukan UMNO Johor kini mantap. Ahlinya adalah yang terbesar di seluruh tanah air iaitu seramai 291,150 orang dan Johor kembali menjadi kubu UMNO yang terkuat di Malaysia.



*Dato' Musa dan Tan Sri Haji Muhyiddin sedang berbicara sesuatu.*

## PMJ DORONG MUSA MASUK UMNO

31 JANUARI 1989: Genap satu bulan tiga belas hari sesudah Perhimpunan Melayu Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin menerima kepulauan seorang tokoh. Nombor keahliannya adalah 1,052,001. Cawangannya, Batu Anam. Bahagiannya, Segamat. Berita gembira ini dicetuskan oleh Dato' Musa Hitam, insan politik yang sukar dibaca perhitungannya.

Bekas Timbalan Presiden UMNO itu membawa bersama doa dan harapan semoga parti kesayangannya *akan kembali kuat dan seterusnya Johor menjadi kubu UMNO* seperti sediakala.

Katanya pada 31 Januari 1989, beliau telah menerima ke enam-enam Resolusi Melayu Johor. Maka, tidaklah jujur serta tidaklah boleh beliau lari daripada tanggungjawab menjayakan formula perpaduan tersebut.

Beliau memperbaharui keanggotaannya bersama-sama YB. Adam Abdul Hamid, YB. Tawfik Tun Ismail, Saudara Kadri Sabran dan Haji Hamdan Yahya.

Dato' Musa juga berharap agar pengumumannya disambut baik oleh kesemua ahli-ahli UMNO di Johor khususnya dan di seluruh negara yang benar-benar cintakan UMNO demi kepentingan pengembalian martabat UMNO sebagai parti yang telah, sedang dan akan terus, berjuang atas kepentingan bangsa, agama dan negara .

Tan Sri Haji Muhyiddin merupakan orang yang paling gembira menerima khabar tersebut. Beliau menyambut



*kepulangan* Dato' Musa dengan hati terbuka kerana inilah hikmah perpaduan yang telah dirintis bersama.

Beliau optimis bahawa *kepemimpinan dan perpaduan Melayu Johor akan lebih mantap dengan wujudnya sokongan padu dari segenap lapisan masyarakat.*

Sebenarnya, Dato' Musa juga kembali dengan seribu satu implikasi kepada Resolusi Melayu Johor. Paling utama, inilah bukti bahawa formula perpaduan itu adalah pragmatis, berkesan dan memang diterima umum.

Paling menonjol, formula perpaduan itu adalah penawar rindu yang paling mujarab untuk membenihkan rasa cinta dan kasih sayang yang amat dalam terhadap UMNO, Melayu dan martabatnya.

Dan, yang paling relevan sekali adalah, formula perpaduan tersebut telah menyemaikan bibit-bibit keikhlasan dan kerendahan hati dalam perjuangan.

Tiada sesiapaupun yang mahu berdakwa-dakwi tentang siapakah juara dan siapa pula *penjahatnya* dalam konteks keporak-perandaan siasah di bumi Johor sebelum itu.

Unik sungguh lenggok-tari politik Johor. Keunikan inilah yang telah mengundang berbagai reaksi positif terhadap pembaharuan keahlian Dato' Musa di dalam UMNO.

Dato' Seri Anwar Ibrahim menyifatkannya sebagai suatu *sumbangan positif untuk memperkukuhkan UMNO.*

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menyifatkannya sebagai satu *usaha mengukuhkan perpaduan Melayu.*

Dato' Seri Najib Tun Razak turut mengalu-alukan Dato' Musa sambil menyifatkan pembaharuan keahliannya sebagai *sokongan kuat kepada UMNO yang telah disusun semula dan mewarisi perjuangan UMNO 1946*.

Lapan lagi Ketua Perhubungan UMNO Negeri juga melahirkan kegembiraan masing-masing. Menteri Besar Kelantan ketika itu, Tan Sri Mohamad Yaacob berkata *langkah Dato' Musa itu memang tepat pada masanya kerana orang Melayu sangat-sangat memerlukan gabungan tenaga dalam menegakkan perjuangan UMNO demi kepentingan agama, bangsa dan tanah air*.

Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik pula berharap kepulangan Dato' Musa akan mendorong ramai lagi kembali ke pangkuan UMNO.

Menteri Besar Perlis, Dr. Abdul Hamid Pawanteh pula yakin bahawa penyertaan semula Dato' Musa ke dalam UMNO *merupakan satu perkembangan yang amat menggalakkan bagi menjernihkan lagi politik tanah air*.

Beliau juga percaya tindakan tersebut akan membantu memelihara imej Malaysia di peringkat antarabangsa yang sedikit sebanyak telah terjejas akibat pergelutan politik setempat.

Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Muhd. Taib menyifatkan pengumuman Dato' Musa sebagai *satu tindakan yang paling bijak ke arah memupuk perpaduan Melayu*.

Beliau juga yakin tindakan itu *akan mengubah corak perjuangan mereka yang menentang UMNO di samping*

*meredakan kegiatan politik yang bergelora akibat cetusan pelbagai pandangan mengenai arah perjuangan orang Melayu.*

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad menyifatkan langkah yang diambil oleh Dato' Musa adalah selaras dengan keputusan Majlis Tertinggi yang telahpun menerima Resolusi Perhimpunan Melayu Johor.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob mengucapkan *selamat kembali* kepada Dato' Musa dan berharap lebih ramai lagi akan menurut jejak langkahnya.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib yakin tindakan Dato' Musa akan meninggikan lagi imej UMNO dan Presidennya *kerana ia merupakan usaha penyatuan masyarakat Melayu yang menjadi asas perjuangan UMNO.*

Oleh kerana sedang bercuti di luar negeri, maka tiada sebarang komen diperolehi dari Menteri Besar Kedah, Tan Sri Osman Arof.

Bagaimanapun, Dato' Khalid Abdullah, Ketua UMNO Bahagian Alor Setar yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO, menyifatkan tindakan Dato' Musa sebagai suatu tindakan *yang memberi erti yang besar dalam pemulihan perpaduan UMNO.*

*Kita sama-sama belajar dari pertelingkahan yang telah berlaku dan sekarang bersatu semula untuk menjadi kumpulan yang lebih matang.*

Begitulah implikasi Perhimpunan Melayu Johor yang merintis jalan kepulangan Dato' Musa ke dalam UMNO. Segala kata-kata aluan dan harapan seperti di atas memang jelas ditujukan kepada untuk Dato' Musa.

Namun begitu, segala-galanya juga mencerminkan keberkesanan Perhimpunan Melayu Johor dan kepimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin. Reaksi-reaksi seperti di atas sungguh membanggakan Melayu Johor.

Para pemimpin komponen Barisan Nasional juga turut berbangga. Mereka sangat-sangat menghargai daya usaha yang diambil oleh Tan Sri Haji Muhyiddin.

Mereka turut mengalu-alukan kepulangan Dato' Musa. Mereka yakin langkah tersebut akan memulihkan kestabilan politik dan membantu kemajuan ekonomi negara.

Presiden MIC, Dato' Seri S. Samy Vellu menyambut baik perkembangan tersebut. Beliau yakin ia akan memulihkan kestabilan politik negara.

Presiden MCA, Dato' Dr. Ling Liong Sik yakin ia akan meningkatkan kemajuan ekonomi tanah air.

Presiden Gerakan, Dato' Dr. Lim Kheng Yaik yakin langkah itu akan membawa satu era baru kepada politik Malaysia.

Naib Presiden PBB, Abang Haji Johari Tun Haji Openg berkata, ia akan menguatkan lagi ketahanan Barisan Nasional.

Naib Presiden SNAP, Dr. Patau Rubis pula menyifatkannya sebagai *berita baik untuk negara*.

Dua organisasi bukan politik juga gembira yang Dato' Musa membaharui keahliannya dalam UMNO hasil kebijaksanaan Tan Sri Haji Muhyiddin menerusi agenda perpaduannya. Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGGMB), Haji Nordin Mahmud berharap Dato' Musa akan terus kekal dalam UMNO *dan tidak akan bertindak keluar parti lagi*.

Presiden Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Saudara Ramli Yusof pula berkata, Dato' Musa telah merintis jalan ke arah penyatuan bangsa. Ia harus diteladani oleh semua pihak yang selama ini *menentang kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.*

Maka jelaslah bahawa Perhimpunan Melayu Johor adalah satu langkah bijak ke arah perpaduan. Tan Sri Haji Muhyiddin amat berpuashati. Dato' Musa berasa amat bangga.

Seluruh kerabat penaja dan penganjur Perhimpunan Melayu Johor juga turut menjulang keluhuran satu perjuangan yang memang bermartabat.

**MENCIPTA  
KECEMERLANGAN**

**BEKAS PERDANA MENTERI  
SINGAPURA, LEE KUAN YEW, PERNAH  
MENYIFATKAN TAN SRI HAJI  
MUHYIDDIN YASSIN SEBAGAI A MAN  
IN A HURRY DAN SEORANG YANG  
BERGERAK PANTAS. JIKA SINGAPURA  
TIDAK BERHATI-HATI, JOHOR BOLEH  
MENANDINGINYA SATU HARI KELAK.**



*Tan Sri Haji Muhyiddin sentiasa bertindak cemerlang dalam menyelesaikan pelbagai kemelut yang melanda kepemimpinannya.*





*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama Dato ' Seri Anwar Ibrahim.*

## ANJUNG SELATAN MEMBURU NAGA

NEGERI Johor Darul Ta'zim adalah *Anjung Selatan* negara yang strategik dan sedang pesat membangun. Menurut ramalan, negeri ini mempunyai potensi kemajuan saiz global di hari muka.

Sebab itulah satu dari tema pembangunan negeri ini adalah *lari bersama naga* supaya Johor, Malaysia dan Asean akan jadi satu dunia yang mengalami perubahan dinamis menjelang dekad ke-21.

Kemajuan ini dirangsang oleh Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin yang tidak pernah merasa jemu untuk mengejar kecemerlangan bangsa dan negara.

Pertumbuhan ekonomi Negeri Johor di bawah kepemimpinannya adalah 9.5 peratus bagi suku ke tiga tahun 1993. Kadar pertumbuhannya bagi 1990 adalah 8.5 peratus, tahun 1991 sebanyak 9 peratus dan 1992 sebanyak 9.2 peratus.

Tan Sri Haji Muhyiddin yang tidak putus-putus dirundung krisis - dari krisis keyakinan rakyat terhadap UMNO seperti yang dimanifestasikan oleh Pilihanraya Kecil Parlimen Johor Bahru hingga ke krisis istana - adalah seorang Menteri Besar yang sentiasa gigih dan bertenaga.

Sewaktu bertungkus-lumus menangani perjalanan beberapa Pilihanraya Kecil yang sengit dan kritikal kepada *survival* bangsa, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap

memberi perhatian serius terhadap kemajuan ekonomi negerinya.

Dalam beliau melaksanakan agenda menyatupadukan rakyat menerusi UMNO dan Barisan Nasional, Tan Sri Haji Muhyiddin juga prihatin terhadap kemakmuran dan kesejahteraan ekonomi umat peminannya.

Maka, beliau mewujudkan jentera perancangan pembangunan secara komprehensif menerusi pendekatan yang sistematik. Perancangan tersebut kini membolehkan Johor mengorak langkah menjadi sebuah negeri industri sepenuhnya dalam tempoh 12 tahun.

Hakikat perubahan iklim sosio-ekonomi dunia yang amat drastik, di samping kedudukan Johor yang dekat dengan Singapura, merupakan faktor utama yang mendorong Kerajaan Johor melakarkan agenda pembangunan komprehensif menerusi *Pelan Ekonomi Johor 1990-2005*.

Agenda pembangunan tersebut disifatkan sebagai tindakan berani kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin. Sekaligus, tindakan itu juga memperlihatkan kewibawaan serta kematangan Tan Sri Haji Muhyiddin dalam merealisasikan visinya selaras dengan dekad akan datang yang lebih mencabar.

Matlamat utama yang menjadi impian Tan Sri Haji Muhyiddin ialah menjadikan Johor sebuah negeri perindustrian baru dalam tahun 2005.

Begitulah wawasannya. Hasilnya, pelaburan asing kini mencurah masuk ke Johor. Sehingga 1991 sejum-

lah 1,180 projek perindustrian oleh pemodal asing dengan jumlah pelaburan RM6.2 billion, telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM5.3 billion modal tempatan telah dilaburkan di Johor.

Fakta-fakta di atas mencerminkan kemajuan sektor perindustrian Johor di peringkat awalnya sahaja. Bagi dekad yang akan datang, kemajuan di sektor ini dijangka menyaksikan pertambahan sebanyak 12 hingga 16 peratus. Jika ini jadi realiti, perkembangan ini adalah yang terbesar di Malaysia.

Dalam pada itu, Tan Sri Haji Muhyiddin ternyata tidak pernah ketandusan idea. Dengan berbekalkan pengetahuannya di bidang ekonomi serta pengalamannya sebagai seorang bekas tenaga korporat serta bekas Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, beliau sentiasa merangka dan meneroka pelbagai lagi program pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan agama untuk manfaat rakyat seluruhnya.

Lantaran itu, semasa merasmikan Konvensyen UMNO Johor 1992, Tan Sri Haji Muhyiddin telah mencetuskan satu lagi gagasan kemajuan yang lebih pragmatik.

Menerusi gagasan ini, Johor dijangka mempunyai sebuah sistem perancangan termoden dikenali sebagai *Pelan Induk Bertindak*. Pelan ini dijangka siap beberapa tahun lagi. Ia bertujuan mengenalpasti kawasan sasaran yang perlu diberi keutamaan dan perhatian khusus bagi tujuan pembangunan.

Idea yang dicetuskan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin ini

dijangka menjadi katalis yang bakal merubah keseluruhan struktur ekonomi Johor dalam jangkamasa 20 tahun akan datang.

Tan Sri Haji Muhyiddin juga mencetuskan gagasan *Nusa Tiga* yang menjadi tunggak kerjasama ekonomi antara Johor, Singapura dan Batam di Indonesia. Pakatan ini diwujudkan demi manfaat rakyat Malaysia, khususnya Johor.

Kemunculan *Nusa Tiga* sebagai pangkalan pertumbuhan ekonomi ini disifatkan sebagai amat tepat. Status Singapura sebagai *Negara Perindustrian Baru (NIC)* serta pasaran buruh yang murah di Batam tentunya akan mewujudkan satu rangka kerjasama dan kelebihan komparatif daripada segi faktor pengeluaran yang boleh dieksploitasi bersama.

Sementara itu, *Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ)* yang beliau pengerusikan, adalah agensi terpenting bagi menentukan pencapaian sepenuhnya matlamat *Dasar Perindustrian Negeri*.

Apa yang jelas ialah tugas dan tanggungjawab Perbadanan tersebut tidak hanya menjurus kepada pengembangan dan pembangunan industri semata-mata.

Perbadanan ini turut berperanan melahirkan *Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera* melalui program pendidikan keusahawanan yang dikendalikan oleh *Institut Pembangunan Pengurusan Johor*.

Kerajaan Negeri juga akan menjadikan program penswastan sebagai sumber baru bagi mendapatkan hasil menerusi penubuhan badan pelaburan - *Per-*

*modalan Johor Berhad* - yang menyerupai *Permodalan Nasional Berhad (PNB)*.

Tan Sri Haji Muhyiddin menegaskan, *Permodalan Johor Berhad* mempunyai kuasa penuh sebagai rakan kongsi dalam pengurusan penswastaan. Menerusi program penswastaan seperti ini, kerjasama yang lebih erat antara Kerajaan Negeri dan swasta dapat diwujudkan.

Menyedari bahawa sumbangan dan peranan swasta dalam memesatkan pertumbuhan ekonomi adalah penting, kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin akan membentuk sebuah Majlis Perdagangan Johor yang dianggotai oleh pegawai tertinggi Kerajaan dan tokoh korporat.

Majlis berkenaan bertujuan menyelaraskan pelbagai perkara yang membabitkan perkembangan sektor perdagangan dan perusahaan di Johor.

Tan Sri Haji Muhyiddin juga menitikberatkan penyertaan usahawan Melayu Johor dalam segala program penswastannya. Maka, Kerajaan Negeri pun mensyaratkan agar usahawan Melayu Johor diberikan tempat sewajarnya sebagai rakan kongsi dalam setiap cadangan daripada mana-mana pihak yang akan menjalankan penswastaan. Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan syarat ini.

Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak sekali-sekali mengabaikan tanggungjawab kepada seluruh rakyat jelata. Oleh itu, *Pelan Ekonomi Johor 1990-2005* turut memberi perhatian terhadap pembangunan luar bandar.

Contohnya di bawah program pengembangan Jabatan Pertanian, beberapa projek dirancang bagi meningkatkan pendapatan para petani. Kerajaan Negeri yakin industri luar bandar mempunyai masa depan yang cerah pada peringkat pertumbuhan ekonomi masa kini. Ia dijangka berkembang pada purata 7 peratus setahun bagi tempoh 15 tahun dari 1990 hingga 2005.

Maka, terbuktilah bahawa agenda pembangunan yang dibentangkan oleh kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin adalah mencakupi segala-galanya.

Program pembangunan yang sudah digariskan dalam *Pelan Ekonomi Johor 1990-2005* adalah menyeluruh dan memperlihatkan secara jelas keseimbangan dari segi tuntutan pembangunan fizikal, material dan kerohanian.

Apa yang jelas, segala kisah gemilang yang sedang mewarnai bumi bertuah ini adalah hasil dari kerja keras seluruh warga Johor di bawah kepemimpinan yang berpandangan jauh, bijaksana merencanakan waktu, pintar membuat perancangan serta mempunyai komitmen yang total terhadap segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Agenda pembangunan tersebut sesungguhnya adalah gagasan besar dalam menentukan hala cara kemajuan Johor untuk dekad akan datang.

Inilah hasil kematangan dan kebijaksanaan kepemimpinan Tan Sri Muhyiddin, tokoh yang sering dimangsakan oleh keadaan, tetapi juga tokoh yang telah didewasakan oleh krisis dan cabaran.



*Tan Sri Haji Muhyiddin sedang menerima 'shield' Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1990 daripada Dato Seri Dr. Mahathir.*





*PKENJ sentiasa menerokai pelbagai peluang pelaburan termasuk usahasama dengan sektor swasta.*

## PKENJ CEMERLANG BERSAMA MUHYIDDIN

PERBADANAN Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) kini muncul sebagai agensi unggul di negara ini. Di antara faktor penting di sebalik kemajuan ini adalah kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin yang dinamis sebagai pengerusinya.

Anugerah demi anugerah telah dimenangi oleh PKENJ sejak beberapa tahun lalu. Ini termasuklah *Anugerah Kualiti Perdana Menteri* bahagian Sektor Awam yang dimenangi pada 1990, *Anugerah Kecemerlangan FIABCI* 1992 bagi kategori Pembangunan Hotel Terbaik untuk Hotel Puteri Pan Pacific dan dua *Anugerah Inovasi* 1993 bagi ciptaan mesin pengangkut kelapa sawit Badang dan penggunaan kupon di tapak pelupusan sampah di Pasir Gudang.

Selain itu, PKENJ juga merupakan badan awam pertama yang telah memberikan sumbangan 10 peratus daripada keuntungan operasinya kepada Kerajaan Negeri selama empat tahun berturut-turut sejak 1989 hanya selepas 20 tahun penubuhannya.

Pada 1992, PKENJ mencatat sejarah dan masyhur di seluruh negara kerana mewujudkan Skim Amanah Saham Johor (ASJ) yang mendapat kepercayaan penuh daripada orang ramai.

Apabila Skim ASJ dilancarkan, orang ramai tidak sangsi dengan keupayaan PKENJ mengendalikan satu skim saham amanah kerana rekod perbadanan itu yang cemerlang.

Kesemua projek yang disertai oleh PKENJ ibarat sentuhan emas kerana setiap bidang yang diterokainya sentiasa menjadi. Pada tahun 1992 sahaja, PKENJ telah mencatat perolehan sebanyak RM371.1 juta berbanding RM348.6 juta yang didapatinya pada tahun sebelum itu.

Nilai hartanah perbadanan itu juga meningkat 5.9 peratus dari RM1.7 bilion pada 1991 kepada RM1.8 bilion pada 1992.

Kegiatan korporat PKENJ juga turut berkembang dengan pertambahan jumlah syarikat di dalam kumpulannya dari 126 buah pada tahun 1991 kepada 141 pada tahun 1992.

Selain perindustrian dan perladangan, PKENJ telah mempelbagaikan penyertaannya di dalam bidang perubatan melalui pengambilalihan beberapa hospital pakar di seluruh negara dan menjadi pemegang francais *Medicine Shoppe* dari Amerika Syarikat bagi memperluaskan rangkaian farmasi di rantau Asia di bawah nama *Pharmacare Sdn. Bhd.*



*Tan Sri Haji Wan Mokhtar, Tan Sri Haji Muhyiddin dan Tan Sri Haji Khalil semasa menandatangani memorandum Persefahaman Kerjasama Pelancongan Wilayah Pantai Timur.*



*Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong semasa mengunjungi  
Tan Sri Haji Muhiiddin pada majlis Hari Raya di Saujana*

## JOHOR BERGERAK PANTAS MENANDINGI SINGAPURA

BEKAS Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, pernah menyifatkan Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin sebagai *a man in a hurry* atau seorang yang bergerak pantas.

Katanya, jika Singapura tidak berhati-hati, Johor boleh menandinginya satu hari kelak. Lee juga pernah meramalkan bahawa Johor Bahru akan menjadi seperti Singapura dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Tentu ada sebab khusus mengapa seorang tokoh ulung seperti Lee mempunyai pandangan sedemikian terhadap ketokohan kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin.

Namun begitu, kebenaran ramalan Lee itu kini semakin nampak nyata. Sesiapa sahaja yang berkunjung ke Negeri Johor Darul Ta'zim, khususnya ke Johor Bahru, dalam masa beberapa tahun kebelakangan ini pasti akan dapat melihat perbezaannya.

Johor kini bukan lagi Johor yang dulu. Ia sedang maju dan mengalami pertumbuhan yang pesat. Rata-rata pendapat pakar ekonomi adalah sama. Mereka menyatakan bahawa Johor merupakan kawasan yang sedang mengalami pertumbuhan paling pantas di negara ini sekarang.

Johor menjadi tumpuan para pelabur kerana selain kedudukannya yang berhampiran Singapura, yang secara tradisinya dikenali dunia sebagai pulau per-

singgahan para saudagar, Johor juga mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur yang boleh bertindak secara *complementary* kepada Singapura.

Sebagai sebuah negeri yang terpisah jauh dari ibu negara berbanding negeri lain seperti Selangor, Johor memerlukan sebuah Kerajaan yang stabil, perancangan yang jitu serta kepemimpinan yang dinamik.

Memang tidak dinafikan bahawa kejayaan yang dialami oleh Singapura akan memberinya kesan timbal-balik secara langsung atau tidak langsung kepada Johor.

Bagaimanapun, adalah tidak adil dan tidak tepat untuk menyatakan bahawa pembangunan mutakhir di Johor adalah bergantung sepenuhnya kepada Singapura.

Sangkaan seperti di atas adalah tidak adil kerana Kerajaan Negeri Johor memang mempunyai matlamat untuk menjadikan Johor paksi pertumbuhan selatan negara dan Johor Bahru pula sebagai sebuah *teknopolis* yang setanding atau lebih baik dari Singapura.

Johor mempunyai *advantage* kerana kos bagi segala kegiatan perniagaan di Singapura adalah lebih tinggi. Oleh demikian adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk *complement* kemudahan infrastruktur yang ada di Singapura.

Contohnya, jika Singapura mempunyai lapangan terbang yang serba moden dan canggih di Changi, Johor Bahru juga boleh mempunyai kemudahan yang sama dan bertaraf antarabangsa di samping sebuah

lapangan terbang kargo yang cekap untuk kawasan serantau.

Begitu juga dengan kemudahan pelabuhan. Sebab itulah Kerajaan Johor berusaha menaikkan taraf dan kapasiti Pelabuhan Pasir Gudang.

Pada waktu yang sama, Kerajaan Johor berusaha mewujudkan sebuah pelabuhan kedua di kawasan yang berdekatan dengan Laluan Kedua Gelang Patah-Singapura.

Banyak lagi yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menjadikannya sebuah pusat pertumbuhan yang dinamik. Kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin telah memberikan landasan yang kukuh ke arah pencapaian matlamat tersebut.

Ketangkasan dan visi kepemimpinan beliau pastinya akan dapat dipanjangkan ke peringkat Pusat suatu hari kelak. Inilah yang sedang diusahakan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin. Sebab itulah beliau sedang mengatur langkah untuk menggandingkan diri dengan kepemimpinan negara dalam erti kata yang sewajarnya.





*Tan Sri Haji Muhyiddin sedang bermesra dengan kanak-kanak.*

## TABUNG WARISAN MILIK RAKYAT

TAN SRI Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin amat prihatin terhadap masa depan rakyat dan Negeri Johor. Strategi pertama yang mencerminkan keprihatinan tersebut ialah penubuhan Tabung Amanah Warisan Negeri pada bulan Ogos 1991.

Tabung yang diwujudkan demi faedah masa depan seluruh rakyat Johor ini mendapat peruntukan permulaan sebanyak RM160 juta. Pada tahun 1992 dan 1993 Kerajaan Negeri telah memberi peruntukan tambahan sebanyak RM56 juta.

Sehingga 30 Julai 1993, Tabung ini telah memperolehi keuntungan sebanyak RM42 juta. Ini bermakna bahawa Tabung Amanah Warisan Negeri kini mempunyai dana terkumpul sejumlah RM258 juta.

Sebenarnya, Tabung ini berfungsi sebagai sebuah kumpulan wang amanah yang menyimpan lebihan dana Kerajaan Negeri. Wang tersebut, kemudiannya akan dilaburkan dalam bentuk pelaburan yang membawa kadar pulangan yang tinggi.

Kerajaan Negeri Johor telah meluluskan satu undang-undang berkaitan dengan penubuhan Tabung tersebut. Ia menetapkan bahawa segala pendapatan daripada pelaburan ini hanya boleh digunakan sesudah lima tahun penubuhannya.

Bagaimanapun, dana pokok bagi Tabung ini tidak langsung boleh dibelanjakan. Sebaliknya, dana pokok

ini akan dibiarkan berkembang dengan sepenuhnya dan berlipat-ganda dalam tempoh yang singkat.

Di samping melabur dalam saham-saham yang bernilai tinggi, tabung tersebut akan mempelbagaikan kegiatan dalam perniagaan kewangan seperti bank, insurans dan broker saham.

Buat permulaan, Tabung ini akan membeli ekuiti sebanyak 30 peratus dalam Bank Buruh Berhad. Ini merupakan langkah permulaan bagi Kerajaan Negeri menceburi kegiatan bank.

Tan Sri Haji Muhyiddin juga telah mengilhamkan peranan aktif yang akan diambil oleh Tabung berkenaan di dalam Bank Buruh dan di dalam bidang-bidang perniagaan kewangan yang lain.

Malahan Tan Sri Muhyiddin juga telah melahirkan visi mengenai Bursa Saham Johor Bahru (BSJB) sebagai bursa saham kedua di Malaysia.

Visi tersebut mungkin akan menjadi realiti tidak lama lagi. Ini adalah berdasarkan kedudukan Johor Bahru yang strategik di Selatan tanahair.

Maka terbuktilah di sini bahawa Tan Sri Haji Muhyiddin memang seorang yang berpandangan luas dan jauh di bidang membela rakyat menerusi beberapa strategi ekonomi dan perdagangan.

Sewaktu beliau mengambil-alih tampuk kepimpinan Negeri Johor dalam tahun 1986, kedudukan kewangan negeri tersebut berada dalam keadaan yang daif.


Ketika itu, pungutan hasil menurun, defisit kewangan Negeri terus meningkat dan tunggakan bayaran

balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan semakin bertambah.

Maka, langkah paling utama yang telah dilakukan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin ketika itu ialah menggerakkan semula keadaan ekonomi Negeri yang sedang merosot. Pertumbuhan ekonomi perlu digerakkan secara menyeluruh dan meliputi semua sektor.

Dengan komitmen serta kerjasama daripada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, Tan Sri Haji Muhyiddin telah menyusun berbagai program khusus untuk mempergiatkan pembangunan ekonomi.

Mulai ketika itulah Johor kian membangun, maju dan terus menyusun langkah ke arah kejayaan yang lebih besar dan cemerlang. Kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin adalah tenaga penggerak di sebalik segala perkembangan ini.



*Kedudukan sosio-ekonomi rakyat khususnya rakyat di luar bandar sentiasa diberi perhatian oleh Tan Sri Haji Muhyiddin.*

## AMANAH SAHAM JOHOR PUTERA PEMIKIRAN MUHYIDDIN

AMANAH Saham Johor (ASJ) adalah satu wadah perjuangan meningkatkan martabat ekonomi Bumiputera yang terkemuka di Johor. Kini ASJ yang mempunyai pelabur dari kalangan petani, nelayan, buruh, penarik beca dan mereka yang berpendidikan serta berjawatan tinggi, jadi sinonim dengan kemajuan Negeri tersebut yang mengkagum dan amat menimbulkan iri hati pihak-pihak yang prihatin.

ASJ yang kian berkembang sebenarnya diwujudkan hasil dari pemikiran dan wawasan Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin. Ia adalah *putera pemikiran* ataupun *brainchild* Tan Sri Haji Muhyiddin sendiri.

Skim ASJ di bawah kelolaan Pelaburan Johor Berhad (PJB) ini diwujudkan khusus untuk kepentingan Bumiputera. Menerusi skim ini Bumiputera boleh memiliki kekayaan Kerajaan Negeri atau agensi-agensinya.

Pemilikan kekayaan secara tidak langsung ini adalah hakikat yang tidak boleh dinafikan. Tan Sri Haji Muhyiddin telah mencadangkan agar semua hasil yang diperolehi daripada projek pembangunan di Johor hendaklah dipindahkan kepada PJB.

Keuntungan dari hasil itu, kemudiannya akan dibahagikan sama rata kepada semua pemegang ASJ dalam tempoh tiga tahun.

Sehingga 1 Oktober 1993, ASJ mempunyai 131,000 pelabur dengan jumlah saham sebanyak 240 juta unit, dengan harga RM1.39 seunit. Ini bermakna jumlah pelaburan terkumpul pada tempoh tersebut ialah RM 333.6 juta.

Sambutan hangat terhadap ASJ mencerminkan kesedaran seluruh Bumiputera terhadap pasaran modal. Hakikat ini juga memperlihatkan keyakinan mereka terhadap kecekapan dan keteguhan ASJ.

Baru-baru ini, ASJ telah pun mengeluarkan dividen 10 peratus bersih, iaitu sebanyak RM33.36 juta, kepada para pelaburnya. Inilah di antara nikmat yang diberikan kepada rakyat Johor hasil dari pemikiran terkedepan kepemimpinannya.

Berdasarkan perkembangan dan prestasi cemerlang ekonomi negara di hari muka, jumlah dividen ini mungkin meningkat lima kali ganda dalam beberapa tahun yang akan datang.

Menurut unjurannya, pada tahun 2005 kelak, ASJ dijangka mempunyai 600,000 pelabur dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.1 billion.

ASJ telah dilancarkan pada 15 Mei 1992, tanggal yang paling keramat kepada kebangkitan seluruh lapisan Bumiputera Johor dalam bidang pasaran modal secara menyeluruh.

Secara tidak langsung, ASJ berusaha mewujudkan masyarakat Bumiputera supaya *berfikiran saham* serta prihatin dan peka kepada alam perniagaan saham.

Inilah satu langkah yang dikemukakan oleh Tan Sri Haji Muhyiddin agar suatu hari kelak Bumiputera mampu menyaingi kaum lain dalam bidang ekonomi.

Walaupun ASJ lahir beberapa tahun selepas masyarakat Bumiputera diperkenalkan dengan Skim Amanah Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera (ASB), popularitinya tetap sehebat ASN dan ASB.

Kini, ASJ menjadi satu bahan rujukan kepada kejayaan serta kemajuan ekonomi Johor di bawah kepimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin, seorang anak ulama dari Muar yang mendapat ijazah kepujian sastera dengan pengkhususan di bidang ekonomi dari Universiti Malaya.

Sejak menceburi politik pada tahun 1971, Tan Sri Haji Muhyiddin yang dilahirkan dalam keluarga sederhana yang mempunyai asas pengetahuan agama yang mantap, memang bercita-cita memperjuangkan *survival* orang Melayu dalam bidang kehidupan yang menguntungkan, terutamanya dalam bidang ekonomi yang selama ini banyak dibolot oleh bukan Melayu.

Sebab itu beliau adalah orang yang paling gembira bila skim ASJ yang diilhamkannya menjadi satu hakikat dan realiti semasa di Negeri Johor zaman pasca Merdeka.

Beliau gembira kerana pada hakikatnya, memang belum ada negeri lain di Malaysia yang memiliki skim seperti ASJ. Johorlah pelopornya.

Tan Sri Haji Muhyiddin juga telah merencanakan agar tabung kedua ASJ pula dilancarkan pada 1997. Cadangan ini adalah berdasarkan unjuran bahawa menjelang 1997, jumlah pelabur ASJ dijangka bertambah tiga kali ganda, iaitu sekurang-kurangnya 300,000 orang dengan nilai pelaburan sebanyak RM1,200 juta.



Baru-baru ini ASJ mendapat satu penghormatan dari Kerajaan Negeri Sarawak. Pengurusan ASJ telah pun memberikan khidmat dan nasihat kepada Kerajaan Bumi Kenyalang yang memperkenalkan Skim Amanah Saham Sarawak (ASSAR).

Bagaimanapun, walaupun ASJ sudah menjadi satu model kemajuan ekonomi yang serasi dengan zamannya, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap masih belum berpuas hati sepenuhnya.

Beliau akan terus berusaha mencetuskan wawasan kemajuan ekonomi bagi rakyat jelata. Ini selaras dengan pandangannya baru-baru ini bahawa kepemimpinan akan datang mestilah mampu memenuhi cita-rasa sosio-ekonomi rakyat. Jika tidak, pastinya kepemimpinan tersebut tidak akan bertahan lama.



*Tan Sri Haji Muhyiddin bernesra bersama anak-anak yatim.*



*Simbol keakraban antara rakyat dengan pemimpin.*

## **SAHAM WAKAF JOHOR MERCU UKHWAH ISLAMIAH**

PADA 8 Ogos 1993, pemikiran terkedepan dan pro-aktif Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, sekali lagi mencetuskan wadah baru bagi perjuangan ekonomi rakyat jelatanya.

Kali ini beliau melancarkan Skim Saham Wakaf Johor (SWJ) - satu skim bertujuan melaksanakan tuntutan beramal jariah secara berkelompok dan sistematik bagi membantu membangun serta meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam ke tahap yang lebih cemerlang.

Dalam alu-aluan sempena pelancaran Skim SWJ, Tan Sri Haji Muhyiddin menegaskan bahawa pembangunan ekonomi moden memerlukan kepada perancangan dan pengurusan yang sistematik, penyertaan bersepadu dan modal yang besar.

Untuk mencapai tujuan di atas, katanya, Skim SWJ merupakan wadah untuk umat Islam menyumbang ke arah pembangunan ekonomi secara bersepadu.

Skim tersebut juga diharap dapat meningkatkan kerjasama berteraskan ukhwah Islamiah ke arah membentuk masyarakat Islam yang berdikari serta penyayang.

Menurut Tan Sri Haji Muhyiddin, mengikut tradisinya, orang kaya dan berkemampuan sahaja yang berpeluang mewakafkan harta mereka bagi tujuan kebajikan dan kepentingan umat Islam, sedangkan golongan yang miskin dan tidak berkemampuan tidak berpeluang langsung untuk berbuat demikian.

Tetapi, dengan adanya Skim SWJ yang diperkenalkan buat pertama kalinya di Malaysia, semua golongan masyarakat Islam, sama ada yang kaya ataupun yang miskin, kakitangan awam mahupun pekerja sendiri, petani mahupun pekerja kilang, kesemuanya berpeluang membuat wakaf mengikut kemampuan masing-masing.

Dengan kadar pelaburan minima RM10 seunit, Skim SWJ membuka peluang kepada umat Islam tanpa mengira pangkat, darjat dan kedudukan, untuk bermal. Sejumlah RM1.5 juta berjaya dikutip pada hari pertama pelancaran Skim tersebut.

Dalam ucapan pelancarannya, Tan Sri Haji Muhyiddin berkata, Kerajaan Negeri Johor akan mengkaji untuk membina Yayasan Pembangunan Wakaf yang mempunyai segala kelengkapan dan keperluan teknikal, pengurusan dan kewangan bagi menguruskan dana yang dikumpul secara profesional.

Skim SWJ yang bakal menjadi lambang penyatuan dan kerjasama umat Islam ini dijangka akan menerokai pelbagai bidang ekonomi seperti peladangan, pemilikan harta dan pembangunan hartanah.

Pembinaan kompleks pejabat enam tingkat di Jalan Skudai berharga RM4 juta merupakan projek perintis Skim SWJ yang dianggap sebagai mercu tanda institusi ekonomi Islam di Johor.

Iklan penawaran Skim SWJ pula menyebutkan bahawa ia adalah *satu Skim di mana seseorang atau organisasi menyerahkan sebahagian hartanya melalui pembelian Saham Wakaf Johor yang dianjurkan*

*oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), semata-mata kerana Allah, dengan tujuan memperluas, membesarkan wakaf dan membangun dan menambah hasil serta faedahnya.*

*Tujuan Skim SWJ adalah untuk melaksanakan tuntutan Islam beramal jariah secara berkelompok; sebagai lambang penyatuan dan kerjasama umat Islam berteraskan konsep ukhwah Islamiah; melaksanakan strategi pembangunan ekonomi umat Islam secara bersepadu; meluaskan saluran kebajikan secara lebih bersistem, berkesan dan menyeluruh; dan memberi alternatif kepada semua umat Islam sama-sama menyumbang ke arah menjayakan suatu aktiviti pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang kosnya terlalu besar.*

Penyertaan Skim SWJ terbuka kepada semua individu Muslim dan bukan Islam (melalui wakil), simati dan organisasi. Cara penyertaannya juga amat mudah.

Apa yang perlu dibuat adalah memiliki saham minima RM10 seunit ataupun dengan jumlah yang tiada had maksimumnya. Kemudian, wakafkanlah sijil saham tersebut menerusi penyerahannya kepada MAIJ untuk kebajikan dan kepentingan am kerana Allah SWT selama-lamanya.

Sebab itulah maka Skim SWJ ini menerima jolokan sebagai Skim Saham Akhirat. Tetapi, biar apa sekalipun nama yang diberikan, Skim SWJ adalah bukti bahawa Tan Sri Haji Muhyiddin yang mencetuskan ilham skim ini adalah seorang pemimpin yang progresif lagi dinamis.



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama Prof. Dato' Dr. Ismail Hussin di majlis perasmian Dialog Selatan 1, 1992 di Johor Bahru.*

## **BASMI KEMISKINAN PERJUANGAN BERTERUSAN**

KEPEMIMPINAN Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin sentiasa memikirkan kebajikan serta kepentingan rakyat termiskin di Johor. Kepada beliau, usaha memperbaiki taraf dan mutu rakyat miskin adalah satu agenda perjuangan yang berterusan.

Negeri Johor memang tidak mempunyai banyak keluarga termiskin yang berpendapatan kurang daripada RM175 sebulan. Mengikut data rasmi yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, hanya ada 2,598 keluarga termiskin di Johor sehingga akhir 1993.

Tetapi, walaupun jumlah itu kecil berbanding negeri-negeri lain, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin tetap sentiasa prihatin terhadap nasib golongan ini. Beliau mengisytiharkan bahawa tahun 1993 adalah tahun untuk memerangi kemiskinan di Johor.

Ini bermakna bahawa perhatian yang lebih akan diberikan kepada golongan ini bagi memastikan mereka tidak terbiar dan ditelan arus pembangunan.

Kerana itu, Tan Sri Haji Muhyiddin telah menyediakan peruntukan bantuan industri kecil luar bandar dan tanah terbiar bagi membantu golongan ini yang rata-rata adalah orang tua, balu dan orang cacat.

Dalam melaksanakan usaha pembasmian kemiskinan itu secara lebih agresif, dua program di bawah Kempen Gerakan Kesedaran telah dilancarkan baru-



baru ini. Program-program itu ialah Program Bumi Hijau dan Program Industri Kecil.

Program Bumi Hijau bertujuan membangunkan tanah terbiar dengan peruntukan sebanyak RM500,000 setahun. Program Industri Kecil dengan peruntukan RM2 juta pula dikhaskan bagi golongan miskin dengan penekanan diberi kepada golongan termiskin, terutamanya yang masih berupaya dari segi ekonomi.

Tan Sri Haji Muhyiddin telah memperkemas pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) baru-baru ini. In membuktikan kesungguhan beliau dalam memerangi kemiskinan.

Beliau juga membentuk Jawatankuasa Pemandu Program Pembangunan Rakyat Termiskin Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Johor bagi menentukan keutamaan dan strategi pelaksanaan secara berkesan.

Selain itu, jawatankuasa ini juga akan mengesyor dan memperakukan perubahan program dan strategi PPRT supaya selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional.

Satu Jawatankuasa Penyelarasan Pelaksanaan Program Pembangunan Rakyat Termiskin Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Pegawai Kemajuan Negeri juga telah dibentuk.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab merangka serta menyelaraskan program PPRT yang bersepadu, menyelaraskan pelaksanaannya serta mengatasi masalah-masalah berbangkit serta menentukan kaedah pengesanan dan penilaian program berkenaan.

Bagi memastikan program itu mencapai matlamatnya sehingga ke peringkat daerah, sebuah jawatankuasa penyelarasa peringkat daerah telah turut ditubuhkan.

Program PPRT ini disusun dengan begitu teliti sehinggakan tidak ada satupun golongan miskin yang terkecuali daripada menikmati bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Negeri, Tan Sri Haji Muhyiddin turut memberi idea-idea beliau berhubung soal ini.

Antaranya, beliau telah mencadangkan agar keluarga termiskin yang tidak mempunyai tanah untuk diusahakan diberi keutamaan menyertai rancangan-rancangan tanah Felda.

Selain itu, beliau telah mencadangkan kepada Jabatan Pendidikan agar mendirikan asrama desa bagi membolehkan murid-murid keluarga termiskin di luar bandar mendapat penginapan percuma tanpa mengira pencapaian akademik mereka.

Oleh kerana kebanyakan yang miskin itu adalah daripada golongan petani, pada Oktober 1992, Kerajaan Negeri Johor memutuskan untuk membuka penyertaan Program Petani Penyayang kepada semua golongan petani dan tidak hanya terbatas kepada mereka yang mempunyai tanah atau modal sahaja.

Menerusi program tersebut, petani yang tidak memiliki tanah akan diberi peluang mengusahakan tanah orang lain dan diberi pelbagai insentif dan elaun.

Matlamat Tan Sri Haji Muhyiddin ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan yang kini pada tahap 11 peratus kepada tiga peratus menjelang tahun 2021.

***PINDAAN  
PERLEMBAGAAN***



*Tan Sri Haji Muhyiddin sebagai tokoh yang paling hampir dengan insiden Istana Bukit Serene sentiasa mendapat perhatian pihak media massa.*

## PINDAAN PERLEMBAGAAN BUKAN ISU POLITIK

SEWAKTU peristiwa Bukit Serene di Johor Bahru menggemparkan masyarakat Malaysia, Menteri Besar, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin sedang ber-cuti di luar negeri.

Maka kedengaranlah desas-desus kurang enak mengenai beliau. Dua hari setelah beliau kembali ke tanahair, Parlimen meluluskan satu usul mengenai apa yang telah terjadi di Tanjung Puteri.

Peristiwa berkenaan dan beberapa lagi skandal istana, telahpun mencetuskan keputusan untuk Parli-men meminda Perkara 181(2) Perlembagaan Persekutu-an dan lain-lain peruntukan yang berkait dengannya, demi manfaat rakyat dan untuk memperkukuhkan lagi institusi kesultanan di negara ini.

Berikut adalah wawancara *BACKBENCH* keluaran Januari 1993 dengan Tan Sri Haji Muhyiddin, tokoh yang terdekat sekali dengan punca yang mendorong pindaan Perlembagaan pada 18 dan 19 Januari 1993.

*BACKBENCH* : *Sekali lagi Tan Sri dan rakyat Johor seolah-olah dijebak oleh satu isu yang hangat. Beberapa tahun dahulu, Tan Sri dihadapkan dengan Gerakan Bebas Semangat 46 yang mencetuskan beberapa Pilihanraya Kecil yang sengit. Kini, Tan Sri terpaksa menangani isu Raja Berperlembagaan ekoran dari peristiwa Bukit Serene. Apakah pandangan Tan Sri dan bagaimanakah caranya untuk menyelesaikan isu berkenaan?*

*MUHYIDDIN* : Sebenarnya saya tidak pernah bera-sa terjebak. Terjebak ertinya terperangkap dan kemudiannya terjerat. Ketiga-tiga perkataan ini membawa makna yang hampir sama. Tetapi, dari segi konotasinya berbeza.

Saya sengaja tekankan erti perkataan ini untuk menjelaskan bahawa sesuatu konflik atau pertentangan itu tidak harus dilihat dari konteks yang sempit. Lebih-lebih lagi mengenai dua isu yang Saudara sebutkan. Konflik itu bukan wujud antara dua pihak dan saya berada di tengah-tengahnya. Tidak. Saya sebahagian dari kumpulan yang terbabit.

Masalah Bebas 46 dan peristiwa Bukit Serene hendaklah dilihat dalam dua keadaan yang berbeza. Pindaan Perlembagaan bukan isu politik.

Memang ada baiknya kita menoleh ke belakang dan melihat sejarah. Saya lihat kewujudan Semangat 46 hanya berpunca dari keangkuhan kuasa (*arrogance of power*) oleh segolongan pemimpin yang tidak mahu menerima hakikat dan kenyataan.

Mereka berpaling tadah menjadi pembangkang dan menentang Kerajaan. Akibatnya, orang Melayu berpecah-belah. Siapa yang untung?

Tapi, mungkin sudah takdir Allah di mana Johor sentiasa jadi bumi sasaran kepada peristiwa yang kemudiannya jadi sejarah.

Di sini UMNO dilahirkan. Di sini juga UMNO diten-tang. Contohnya, peristiwa Bebas 46. Sebagai Ketua Parti dan Ketua Kerajaan di peringkat Negeri, saya terpaksa berdepan dengan ujian yang amat berat.

Pilihanraya Kecil Johor Bahru, Parit Raja dan Tambatan diadakan. Waktu itu, Johor bukan sahaja jadi tumpuan. Tetapi, jadi *testing ground* kepada Semangat 46. Kekuatan UMNO sendiri turut teruji.

Semua pihak tahu bagaimana kritikalnya ketiga-tiga pilihanraya itu. Bayangkan jika Barisan Nasional kalah. Hanya Allah SWT yang tahu.

Tetapi, berkat perpaduan seluruh pemimpin dan ahli UMNO dan BN, di samping wujudnya solidariti rakan-rakan UMNO dan BN yang datang membantu dari seluruh negara, kita berjaya.

Kekuatan UMNO terbukti dan keyakinan rakyat kepada kepemimpinan Kerajaan Barisan Nasional dapat dipulihkan. Maruah UMNO juga dapat dipulihkan.

Tapi, sedang kita menikmati ketenangan, tiba-tiba Johor sekali lagi jadi tumpuan. Terjadilah peristiwa Bukit Serene. Walaupun seluruh negara hebat memperkatakan isu ini, kita di Johor sentiasa tenang. Biasa sahaja.

Saya memang sedar, seluruh negara menumpukan perhatian ke Johor dengan pelbagai tanda tanya terhadap diri saya.

Ini tak dapat saya elakkan. Saya perlu rasional. Tidak terikut-ikut dengan sentimen yang ada. Saya perlu ikut tatatertib yang wujud.

Waktu isu ini timbul, saya berada di luar negeri. Bila saya balik pada 9 Disember 1992, saya diberi penerangan mengenai perkara ini.

Bila semuanya sudah jelas, khususnya sesudah Parlimen meluluskan usul yang dibentangkan oleh Tim-



balan Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi UMNO mengambil pendirian yang tegas, saya segera mengadakan mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri sehari selepas itu.

Kita dengan tegas menyatakan pendirian menyokong apa sahaja tindakan dan keputusan pucuk pimpinan nasional dalam menghadapi soal ini.

Sesudah itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor juga secara rasmi menyokong keputusan Kerajaan Pusat mengenai pindaan Perlembagaan. Ini penting bagi saya selaku Ketua Kerajaan Negeri.

Selepas itu kita adakan pertemuan antara Perdana Menteri dengan seluruh pemimpin UMNO Johor pada 16 Disember 1992 bagi menjelaskan pendirian dan sokongan kita.

Kemudian kita pertegaskan lagi melalui usul menyokong pindaan Perlembagaan di Dewan Undangan Negeri Johor pada 24 Disember 1992.

Dalam menangani permasalahan ini saya wajar bertindak ibarat *menarik rambut di dalam tepung*. Jika ada orang yang tidak faham dengan apa yang saya lakukan, itu terpulang kepada mereka. Saya dituntut untuk rasional dalam persoalan ini.

Saya telahpun mengadap Sultan Johor. Saya telah jelaskan segalanya. Sebelum dapat mengadap, saya rasa bimbang juga. Namun begitu, penerimaan Sultan terhadap penjelasan saya serta rasional di atas pendirian saya sendiri, parti dan Kerajaan telah memberi saya satu keyakinan yang isu ini boleh diselesaikan.

Walaupun Baginda nampaknya tidak begitu senang hati menerima penjelasan saya, Baginda tidak pula menunjukkan sikap membenci atau murka terhadap saya.

Saya telah menyampaikan pandangan saya dengan tegas dan berdasarkan prinsip serta apa yang saya rasa sebagai yang hak dan benar.

Saya juga sampaikan kepada Sultan bahawa segala-segalanya saya lakukan berdasarkan kepada apa yang saya percaya - ditentukan oleh Allah. Saya hanya tawakal.

*BACKBENCH: Seluruh negara kini memfokuskan perhatian mereka kepada Tan Sri kerana Tan Sri adalah orang terdekat sekali dengan masalah mutakhir. Bagaimanakah Tan Sri menggunakan kebijaksanaan dalam konteks isu ini.*

*MUHYIDDIN: Ada orang kata saya bersikap apologetik, terlalu berlembut dan tidak tegas. Mereka boleh melemparkan macam-macam tuduhan.*

Tetapi mereka kurang faham. Menangani masalah ini di Johor berbeza dengan negeri-negeri lain. Saya mempunyai cara tersendiri untuk mengatasinya. Perdana Menteri begitu faham dengan apa yang telah saya lakukan.

Bagi saya di Johor, faktor utama yang perlu diberi perhatian ialah faktor psikologi - baik yang membabitkan istana mahupun rakyat.

Hubungan antara istana dan rakyat Johor cukup erat. Kita tidak mahu hubungan ini terjejas semata-mata berlaku satu-dua insiden.

Sebab itu kita ada cara dan pendekatan yang tersendiri. Saya rasa ini yang ramai orang luar tidak faham.

Sebagai orang Melayu kita ada budaya yang murni, kekayaan budi bahasa dan protokol yang perlu dipatuhi.

Kita tidak boleh hentam kromo, ikutkan hati dan perasaan. Kewarasan dan kewajaran perlu diberi pertimbangan agar tidak mengatasi sentimen dan perasaan. Ikut hati luka, ikut rasa binasa.

Ada orang kata saya serba salah - *telan mati emak, luah mati bapak!* Sebenarnya tidak. Saya tidak serba salah.

Saya faham bahawa saya perlu berani menangani isu ini dengan tegas. Ramai yang bimbang dengan pendirian saya ini. Mereka takut apa-apa yang akan terjadi kepada saya kemudian! Tapi, saya tetap tegas kerana ini mandat Kerajaan, Parti dan rakyat.

*BACKBENCH* : Tan Sri boleh dikatakan sedang memikul tanggungjawab Parti dan Kerajaan yang amat berat. Tetapi ketenangan sentiasa terlukis di wajah Tan Sri. Apakah rahsia yang mendorong ketenangan tersebut.

*MUHYIDDIN*: Betulkah begitu? Kalau ya, mungkin ini anugerah Allah SWT. Ada ungkapan mengatakan ketenangan wajah melambangkan ketenangan jiwa.

Saya tidak ada apa-apa rahsia atau resepi untuk mencapai ketenangan. Cuma banyak-banyak selawat. Yang penting, jiwa kita mesti bersih dan membuat sesuatu itu biarlah dengan ikhlas.

Lebih-lebih lagi bila memikul sesuatu tanggungjawab - satu amanah - terutama tanggungjawab terhadap Parti dan Kerajaan. Ia membabitkan kepentingan rakyat dan negara.

Apabila kita sedia memikul tanggungjawab, maknanya kita mesti sanggup berkorban dan menerima apa sahaja risikonya.

Arahan pucuk kepemimpinan parti dan Kerajaan mesti saya patuhi supaya sekata dalam apa jua tindakan. Kita mesti laksanakan tanggungjawab ini dengan penuh kewarasan, kewajaran dan kebijaksanaan.

Saya faham langkah-langkah, cara serta pendirian saya dalam soal ini dikaji dan diteliti, terutamanya oleh ahli-ahli parti. Sebab itu saya perlu rasional. Tidak boleh gopoh. Kalau saya gopoh-gapah, rakyat Johor lebih lagi kelam-kabut jadinya!

*BACKBENCH: Isu Raja Berperlembagaan adalah satu masalah nasional. Bagaimanakah Tan Sri mengimbangkan sentimen dengan kewarasan tindak tanduk dalam konteks ini. Bagaimana pula caranya Tan Sri meredakan kegelisahan rakyat jelata dan pada waktu yang sama mendapatkan sokongan mereka terhadap perkara ini.*

*MUHYIDDIN: Pertama, isu ini membabitkan Raja - institusi yang menjadi simbol dan tunggak pemerintahan negara. Kedua, ia berkaitan dengan kepentingan nasional. Ia membabitkan rakyat jelata. Ketiga, bila menyebut pemerintahan Beraja, kita tidak boleh lari dari sifat dan sikap kita sebagai bangsa Melayu.*

Oleh itu, bila timbul isu seperti ini kita hendaklah melihatnya dari perspektif yang luas kerana dalam isu seperti ini akan ada sentimen pro dan kontranya.

Kita sendiri perlu mendepani isu ini dan tidak boleh terlalu emosional dengan sentimen yang ada. Sebab itu kita perlu bersikap positif dengan mengimbangkan antara sentimen dan kewarasan.

Sebagai bangsa Melayu dan orang Islam, kita ada budaya yang tersendiri. Jangan sampai tindakan yang kita ambil itu melukakan hati mana-mana pihak.

Masyarakat kita memang sensitif dengan soal-soal Raja. Mereka tertanya-tanya apa yang hendak Kerajaan lakukan apabila pindaan Perlembagaan untuk menghapuskan kekebalan Raja-Raja ini dibuat.

Saya kira pendirian Kerajaan sudah cukup jelas bahawa kita akan terus mewujudkan dan mempertahankan institusi Raja Berperlembagaan.

Kerana kurang kefahaman, penjelasan dan ditambah oleh Semangat 46 yang mempolitikkan isu ini, timbulah kegelisahan di kalangan rakyat. Parti itu membuat fitnah kononnya Kerajaan mahu menghapuskan institusi Raja. Kononnya Malaysia akan jadi sebuah republik.

Oleh itu, kita beri penerangan dan penjelasan kepada setiap peringkat lapisan masyarakat. Dalam membuat penerangan ini kita sentiasa berhati-hati agar tidak membangkitkan perasaan membenci Raja. Elakkan dari membangkitkan emosi dan sentimen sehingga menyebabkan masyarakat bangun menentang usaha Kerajaan.

Kita di Johor terpaksa menjelaskan, usaha yang dibuat bukan untuk menjatuhkan maruah dan nama baik Raja. Jauh sekali daripada menghapuskan Raja-Raja.

Ini penting kerana pindaan untuk menghapuskan kekebalan Raja-Raja bukan bermakna mahu kepercayaan dan kesetiaan rakyat kepada Raja berbelah-bahagi.

*BACKBENCH* : Kini terdapat segolongan ahli politik yang menanggung di air keroh dan mendakwa kononnya apa yang sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan, dalam konteks sistem Raja Berperlembagaan ini adalah satu langkah awal untuk menghapuskan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia. Apakah ulasan Tan Sri?

*MUHYIDDIN*: Setiap kali timbul sesuatu isu memang ada segolongan pihak yang menanggung di air keroh. Kali ini, Semangat 46, parti yang sudah kekeringan isu dan ide ini ambil kesempatan.

Dia eksploitasi isu pindaan Perlembagaan ini. Dia fitnah Kerajaan kononnya institusi Raja di negara ini akan dihapuskan. Saya tak faham macam mana pendirian Semangat 46 berdolak-dalik. Ketika Encik Ghafar Baba membawa usul di Parlimen, wakilnya menyokong. Usul saya mereka tentang.

Walaupun berpuluh kali Kerajaan menjelaskannya, Semangat 46 masih tidak menerimanya. Itulah namanya pembangkang. Agaknya pintu hati mereka sudah tertutup.

Dengan penentangan ini mereka harap Raja-Raja akan memihak kepada Semangat 46. Mereka anggap rakyat akan sokong. Perjuangan mereka yang kononnya untuk hidupkan semula UMNO lama pun terbukti sia-sia .

Sekarang isu Raja pula digunakan. Isu ini dilihat oleh pemimpin mereka sebagai peluang untuk bernafas semula. Sebab itu Semangat 46 sebar surat tanpa tandingan di seluruh Johor. Jemput rakyat ke istana. Nasib baik Sultan bertindak bijaksana. Syukur Alhamdulillah.

Semangat 46 kata nak bela nasib rakyat. Tapi, bila rakyat teraniaya dia memihak pada istana. Mungkin kerana Presidennya anak Raja!

Tetapi, saya percaya Raja-Raja lebih arif untuk membuat pertimbangan mereka sendiri kerana yang penting bukan maruah Semangat 46 tapi Raja-Raja dan rakyat jelata.

*BACKBENCH: Apakah harapan Tan Sri terhadap kesudahan kepada isu Raja Berperlembagaan ini.*

*MUHYIDDIN :* Saya harap isu ini dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya dan secepat mungkin. Mudah-mudahan Raja-Raja akan menerimanya dengan baik. Tidak ada siapa rugi jika pindaan Perlembagaan ini dibuat.

Dengan kebijaksanaan pucuk pimpinan, saya percaya isu ini tidak mendatangkan apa-apa masalah. Yang penting bagi kita ialah, kesejahteraan, keamanan dan keselamatan terus wujud dan terjamin. Apa yang berlaku ini hanya sebahagian daripada ujian Allah SWT kepada kita. Setiap yang berlaku itu pasti ada hikmatnya.

Saya yakin isu kekekebalan Raja-Raja kemudian nanti akan menjadi non-isu. Pemimpin kita telah berjanji, isu ini akan diselesaikan dengan berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Dengan proses musyawarah dan di atas semangat setiakawan antara Raja dan rakyatnya, pindaan ini Insya Allah akan diluluskan.

Saya juga yakin, martabat dan kedaulatan Raja-Raja akan menjadi lebih tinggi dan dimuliakan. Walaupun tanpa kekebalan, rakyat pasti akan lebih mengasihi Rajanya. Apatah lagi bila Raja-Raja sebenarnya mendo-kong Institusi Raja Berperlembagaan itu sendiri.

Interbiu dengan *BACKBENCH* ini boleh memberi seribu satu tafsiran mengenai Tan Sri Haji Muhyiddin dalam menyelesaikan isu Raja. Apa yang jelas adalah, kebijaksanaan menuntut isu tersebut diselesaikan se-cara tersusun dan teliti.





*Krisis Perlembagaan ditangani oleh Tan Sri Haji Muhyiddin dengan penuh sopan.*

## SULTAN DIPUJUK DENGAN BUDI BAHASA

TAN SRI Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, sedang bercuti di luar negeri bila peristiwa jurulatih hoki, Douglas Gomez, dipukul di Istana Bukit Serene pada 30 November 1992.

Apabila isu tersebut kian menyemarak, kehilangan beliau semakin amat dirasakan. Kepulangannya juga sentiasa dinanti-nantikan oleh para wartawan. Mereka ingin mendapat reaksi pertama daripada Ketua Kerajaan Negeri yang sering dirundung krisis.

Sebab itulah sebaik sahaja keluar daripada Bilik VIP di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, sambil mendukung salah seorang anaknya, Tan Sri Haji Muhyiddin dihujani soalan-soalan yang bertubi-tubi mengenai peristiwa Gomez.

Seperti kelazimannya, sama ada dalam tenang atau dalam gelora, Tan Sri Haji Muhyiddin tetap menjawab segala soalan-soalan tersebut dengan nada yang lembut, tetapi penuh keyakinan.

Beliau kelihatan telah bersedia. Beliau sedar yang beliau perlu memberi jawapan terbaik. Beliau insaf bahawa isu yang mula mengancam kepemimpinannya di Johor itu adalah isu yang terlalu rumit dan sensitif.

Apabila ditanya reaksinya, jawapan pertama Tan Sri Haji Muhyiddin ialah, beliau akan mendapatkan laporan penuh mengenai kejadian itu daripada para pegawainya sebelum boleh membuat sebarang kenyataan.

Walau apapun, peristiwa 30 November 1992 itu mungkin merupakan masalah paling sukar yang pernah dihadapinya sejak mengambil alih tampuk pemerintahan Negeri pada 1986.

Beliau kini terpaksa berhadapan dengan seorang Sultan yang sememangnya diketahui mempunyai sifat yang *unpredictable* dan luar biasa.

Sultan Johor memang diketahui umum sebagai seorang Sultan yang gemar bertindak menggunakan tangannya bila berlaku sesuatu perkara yang difikirkan tidak secocok dengannya.

Sebelum peristiwa Gomez, pernah tiga orang Anggota Dewan Undangan Negeri Johor dari parti DAP menerima bahana tangan Baginda kerana mereka tidak memakai songkok di majlis pembukaan persidangan Dewan Undangan Negeri.

Kerana perwatakan Sultan Johor itulah maka pernah tersebar fitnah kononnya Tan Sri Muhyiddin juga pernah *kena penangan* Baginda. Perkara ini adalah dakyah yang liar. Tan Sri Haji Muhyiddin tidak pernah menerima sebarang *penangan Raja*.

Bagaimanapun, apabila keadaan sudah jelas, khususnya sesudah Dewan Rakyat meluluskan usul yang berpunca dari peristiwa Gomez, dan setelah Majlis Tertinggi UMNO juga mengambil pendirian tegas berhubung soal tersebut, Tan Sri Haji Muhyiddin pun segera bertindak dengan penuh kebijaksanaan.

Maka, sehari sesudah usul Dewan Rakyat, Tan Sri Haji Muhyiddin pun memanggil mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri. Beliau meminta keseluruhan

pemimpin UMNO Johor supaya bersatu padu dalam menangani isu berkenaan.

Kemudiannya, Tan Sri Haji Muhyiddin pun membincangkan soal peristiwa Gomez dalam mesyuarat Exco Kerajaan Johor. Setelah pihak Exco secara rasmi menyokong keputusan untuk meminda Perlembagaan bagi menghadkan imuniti Raja-Raja, dan setelah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri pada 16 Disember 1992, Tan Sri Muhyiddin sendiri membentangkan usul menyokong pindaan tersebut di Dewan Undangan Negeri Johor pada 22 Disember 1992.

Berikutnya, Tan Sri Haji Muhyiddin mengadakan beberapa siri pertemuan untuk menjelaskan isu tersebut. Beliau menemui pemimpin Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor. Beliau menemui penghulu-penghulu, imam-imam dan ketua kampung.

Beliau juga menjelajah negeri untuk menjelaskan isu berkenaan kepada rakyat jelata dan ahli UMNO di peringkat akar umbi.

Maka, jelaslah di sini bahawa Tan Sri Haji Muhyiddin memang menangani isu Sultan Johor itu secara cermat, sistematik dan terencana. Segala-galanya demi mempertahankan martabat Raja dan mempertahankan martabat bangsa.

Memang terdapat pihak yang cuba mempolitikkan tindakan tersebut. Tan Sri Haji Muhyiddin tetap berpendirian tegas. Baginya, beliau dituntut supaya bertindak secara rasional dalam hal tersebut.

Kini, segala-galanya telah berlalu dan keadaan telah pulih seperti sediakala. Sultan Johor juga kini telah be-

rubah laku, lebih tertib, lebih hormat dan senang menerima nasihat Menteri Besar.

Mungkinkah situasi ini wujud jika isu istana yang membabitkan Sultan Johor itu tidak ditangani secara bersopan santun dan berbudi bahasa?

Hasil ketegasannya menangani isu Raja, Tan Sri Haji Muhyiddin muncul sebagai salah seorang tokoh yang berkaliber dan jadi semakin dekat dengan hati rakyat jelata di seluruh tanahair.

Rakyat Johor amat bangga dan berterima kasih kepada kebijaksanaan Tan Sri Haji Muhyiddin dalam hal ini. Rakyat Malaysia juga turut berbangga dan berterima kasih kepadanya.



*Keikhlasan dan kejujuran menjadi asas keintiman antara Tan Sri Haji Muhyiddin dan rakan-rakan seperjuangan termasuk Tan Sri Haji Muhammad.*



*Soal disiplin menjadi keutamaan Tan Sri Haji Muhyiddin ke arah melahirkan generasi yang berwawasan.*

## RAKYAT TIDAK BENCIKAN RAJA

MENTERI Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, membentangkan satu usul di Dewan Undangan Negeri Johor pada 22 Disember 1992, berkaitan dengan cadangan meminda Perkara 181 (2) Perlembagaan Persekutuan mengenai kekebalan Raja-Raja.

Katanya, walaupun dengan hati yang amat berat beliau tetap memikul tanggungjawab yang sangat besar untuk membawa satu usul penting dalam Dewan Undangan Negeri Johor kerana ia membabitkan kedudukan Raja-Raja yang selama-lamanya menjadi tunggak pemerintahan negara yang sentiasa disanjung dan dihormati.

Bagaimanapun, atas kesedaran dan keinsafan demi kepentingan rakyat dan negara yang mengatasi segala-galanya, maka beliau berdiri di Dewan Undangan Negeri Johor untuk membentangkan usul yang berbunyi:

*"Bahawa memandangkan kepada perkembangan semasa di negara ini berhubung isu Raja-Raja serta cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai kekebalan Raja-Raja sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 181 (2) Perlembagaan Persekutuan, maka Dewan Undangan Negeri Johor yang bersidang hari ini meluluskan usul menyokong sepenuhnya segala langkah yang diambil oleh Parlimen Malaysia mengenainya.*



*Bahawa Dewan ini menyokong cadangan pindaan Perlembagaan tersebut sebagai berpegang kepada Prinsip Demokrasi Berparlimen untuk memelihara kesejahteraan rakyat jelata, di samping untuk memastikan agar sistem Raja Berperlembagaan terus kekal sebagai sebuah institusi yang disanjung, dihormati dan dimuliahkan."*

Tan Sri Haji Muhyiddin menegaskan bahawa usaha atau tindakan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibuat semata-mata untuk memelihara martabat dan darjat Raja-Raja di sisi undang-undang serta menjaga kepentingan Raja berpandukan kepada Sistem Demokrasi Berparlimen.

Pindaan ini dibuat dengan penuh rasa tanggungjawab dan menerusi pertimbangan-pertimbangan yang wajar bagi memantapkan lagi kedudukan Institusi Raja Berperlembagaan.

Katanya, rakyat akan tetap mempertahankan institusi ini terus kekal sampai bila-bila. Seperti kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, bahawa meskipun seluruh dunia tidak lagi mengamalkan sistem pemerintahan Beraja, tetapi Malaysia tetap kekal sebagai negara Beraja.

Malaysia tidak akan menjadi sebuah negara republik seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Malaysia mengamalkan pemerintahan bercorak demokrasi yang membawa erti bahawa kedudukan negara ini adalah terletak di tangan rakyat. Kewujudan Parlimen dan Institusi Beraja adalah dengan kehendak rakyat sendiri.

Tan Sri Haji Muhyiddin yakin bahawa rakyat keseluruhannya faham apakah sebenarnya tujuan pindaan Perkara 181 (2) dan perkara lain berkaitan dengannya bukanlah bermaksud untuk menghapuskan Institusi Raja dan mewujudkan pemerintahan republik di negara ini.

Sebaliknya, tindakan ini akan dapat memelihara maruah dan martabat Raja-Raja supaya institusi mereka lebih dihormati, disanjung dan dimuliakan.

Kerajaan sentiasa berwaspada, bertindak dan membuat perhitungan dengan apa jua cara yang difikirkan baik untuk mengekalkan Institusi Beraja.

Kedudukan seseorang Raja Berperlembagaan adalah dikawal oleh Perlembagaan. Raja-Raja adalah menjadi payung kepada rakyat.

Oleh itu, Raja dan rakyat perlu berkongsi menjalankan tanggungjawab dan bersama-sama mendokong Kerajaan untuk faedah negara sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan.

Keistimewaan yang diberikan kepada Raja-Raja seperti yang termaktub dalam Perlembagaan mengenai kedudukan mereka mengatasi undang-undang adalah semata-mata dengan tujuan hendak meletakkan mereka kepada suatu tahap yang sesuai dengan kedudukan mereka.

Bukannya untuk membolehkan mereka bertindak dengan sewenang-wenangnya mengatasi undang-undang yang boleh memudaratkan rakyat sendiri.

Seterusnya, Tan Sri Haji Muhyiddin berkata bahawa keistimewaan yang diberikan kepada Raja-Raja

adalah semata-mata untuk kebajikan dan kehormatan mereka sendiri.

Begitu juga konsep kekebalan Raja-Raja yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan sudah tidak sesuai lagi mengikut keadaan semasa lebih-lebih lagi untuk meletakkan Raja-Raja mengatasi undang-undang atau melindungi tindakan-tindakan mereka yang bertentangan dengan *rule of law*.

Katanya lagi, kekebalan juga tidak memperuntukkan lain-lain Kerabat Diraja dan jauh sekali kepada juak-juak yang kononnya sebagai penasihat istana, bebas melakukan ugutan, tekanan atau pemerasan dengan berselindung atau menggunakan nama istana untuk kepentingan mereka sendiri.

Oleh itu, beliau menekankan bahawa usul menyokong pindaan Perlembagaan oleh Parlimen pada 18 dan 19 Januari 1993, yang dibawa ke dalam Dewan Undangan Negeri Johor bukanlah satu manifestasi kebencian rakyat jelata.

Sebaliknya, usul tersebut dibawa atas hakikat keinsafan serta usaha untuk memperkukuhkan Institusi Raja Berperlembagaan yang jelas terhakis sekiranya perilaku Raja-Raja berada di luar batas kesusilaan.

Cadangan pindaan mengenai kekebalan Raja bukan bermakna Raja-Raja Melayu akan hilang taraf mereka sebagai Raja. Malah, langkah ini untuk menyelamatkan dan melindungi mereka daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan imej, martabat dan maruah mereka.

Menurut Tan Sri Haji Muhyiddin, agama Islam sendiri menuntut umatnya supaya memelihara martabat dan menjaga maruah, sama ada untuk diri sendiri atau saudaranya yang lain. Kerana itu perlu bagi umat Allah untuk saling nasihat menasihati kerana setiap manusia itu adalah sama di sisi Tuhan, melainkan mereka yang bertakwa.

Maka adalah menjadi hasrat seluruh rakyat jelata yang sayangkan Raja dan cintakan negaranya untuk terus memelihara ketinggian martabat sistem Raja Berperlembagaan serta melindunginya agar tidak terhakis oleh tindak tanduk yang boleh merosak atau mencacatkan institusi tersebut demi memelihara dan meningkatkan keyakinan serta penghormatan rakyat kepada Institusi Raja Berperlembagaan di negara ini.

Tan Sri Haji Muhyiddin berdoa mudah-mudahan dengan berkat doa Ahli-Ahli Dewan dan seluruh rakyat Johor, moga-moga Allah SWT memberikan taufik dan hidayahNya kepada seluruhnya. Lebih-lebih lagi melimpahkan ri'ayahNya kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan agar isu ini dapat disempurnakan dengan segala kebijaksanaan.

Beliau juga berdoa dan memohon agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bersetuju dengan cadangan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan sebagai menunjukkan keprihatinannya kepada hasrat dan aspirasi rakyat jelata, khususnya rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim.

Ucapan tersebut mencerminkan kesungguhan dan ketegasan Tan Sri Haji Muhyiddin dalam menangani isu Raja-Raja. Baginya, isu tersebut perlu diselesaikan dengan sebaik-baiknya.



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama Tun Datu Mustafa.*



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersalaman dengan Tun Syed Ahmad Sahabuddin sambil diperhatikan oleh Tan Sri Haji Abdul Rahim.*

## SETIAUSAHA KERAJAAN BERPALING TADAH

TAN SRI Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin sedang menumpukan tenaga untuk menyelesaikan isu Raja di Negeri Johor. Siang dan malam beliau menumpukan fikirannya kepada isu tersebut.

Tiba-tiba meletus satu lagi kontroversi yang memerlukan kebijaksanaannya. Kontroversi tersebut adalah mengenai Dato' Rahim Ramli selaku Setiausaha Kerajaan Negeri.

Sebenarnya, Dato' Rahim memang telah lama membelakangi Tan Sri Haji Muhyiddin dalam urusan pentadbiran negeri. Beliau membenarkan pihak istana mencampuri hal ehwal pentadbiran Kerajaan.

Bagaimanapun, Dato' Rahim hanya muncul secara terang-terang untuk memihak kepada istana sewaktu isu Raja sedang memuncak dan sewaktu Tan Sri Haji Muhyiddin sedang berusaha menyelesaikan isu tersebut.

Setiausaha Kerajaan Negeri itu memang tidak sewajarnya bertindak sedemikian. Beliau adalah pegawai dalam perkhidmatan awam. Tidak wajar baginya untuk menjadi *tali barut* istana.

Tetapi, Dato' Rahim bertindak memusuhi Tan Sri Haji Muhyiddin. Sewaktu isu Raja sedang membara, beliau telah mengeluarkan surat-surat jemputan kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk menghadiri majlis-majlis anjuran Sultan Johor.



Tan Sri Haji Muhyiddin selaku Ketua Kerajaan Negeri dan penasihat Sultan tentunya amat terkilan dengan tingkah-laku Dato' Rahim itu.

Selaku anggota keluarga pentadbiran Kerajaan Negeri, Dato' Rahim telah berpaling tadah. Beliau tidak memberi sokongan kepada Tan Sri Haji Muhyiddin yang sedang menghadapi masalah dengan Sultan.

Beliau juga turut mempertikaikan permintaan Menteri Besar agar perhimpunan bersama rakyat yang hendak diadakan di perkarangan Istana Besar Johor Bahru pada 8 Januari 1993, dibatalkan.

Permintaan Tan Sri Haji Muhyiddin itu telah dipertikaikan oleh Dato' Rahim di hadapan Sultan Johor dan disaksikan sendiri oleh Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Johor, sewaktu Tan Sri Haji Muhyiddin mengadap Baginda.

Perilaku Dato' Rahim yang ibarat *api dalam sekam* itu menyebabkan Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 30 Januari 1993 meluluskan usul tidak percaya dan memutuskan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadapnya.

Bagaimanapun, sebelum tindakan itu dapat dikenakan ke atasnya, Dato' Rahim telah terlebih dahulu mengemukakan permohonan untuk bersara lebih awal dan cuti bersara sehingga selama 53 hari.

Persaraan Dato' Rahim diterima oleh Mesyuarat Exco yang diadakan pada 8 Februari 1993 dan berkuatkuasa pada hari itu juga. Ketika itu Dato' Rahim berusia 51 tahun.

Peristiwa tentangan Dato' Rahim ini adalah satu manifestasi tindakan untuk mengacau-bilaukan kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin. Tindakan menca-bar kepemimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin tidak pernah dihadapi oleh Menteri Besar di negeri-negeri lain di negara ini.

Bagaimanapun, kebijaksanaan dan pengalaman telah membantu Tan Sri Haji Muhyiddin dalam menyelesaikan isu Setiausaha Kerajaan Negeri.

Pastinya isu ini akan mendewasakan lagi Tan Sri Haji Muhyiddin dalam mengendalikan pentadbiran Negeri Johor ke arah kecemerlangan di hari muka.



*Dr. Koh Tsu Koon, Tan Sri Osman Aroff dan Tan Sri Haji Muhyiddin.*

## KABINET BUBARKAN ASKAR SULTAN JOHOR

PADA 17 Ogos 1993 Kabinet Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju membubarkan pasukan Timbalan Setia Negeri - askar peribadi kepada Sultan Johor yang mempunyai kekuatan 228 anggota, termasuk lapan pegawai. Pasukan ini juga dikenali sebagai *Johore Military Force (JMF)*.

Anggotanya diberi pilihan sama ada diserapkan dalam Angkatan Tentera Malaysia ataupun Polis atau berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negeri Johor.

Keputusan membubarkan TSN dibuat setelah Kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan yang menyebabkan penarikan balik segala keistimewaan yang selama ini dinikmati oleh Sultan dan kerabat masing-masing.

Pembubaran TSN juga dibuat berdasarkan keputusan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Johor pimpinan Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, pada 13 Ogos 1993.

Inilah satu dari tindakan berani Tan Sri Haji Muhyiddin. Dan, inilah juga satu dari kesan kepada peristiwa Bukit Serene yang meletus pada 30 November 1992.

Bagaimanapun, pembubaran TSN yang telah wujud sejak 107 tahun yang lalu akan berkuatkuasa secara rasmi bila Parlimen dalam sidang yang akan datang ini meluluskan pindaan kepada Akta Angkatan Tentera

Malaysia 1972 dan setelah Dewan Undangan Negeri meminda Enakmen Timbalan Setia Negeri Johor 1915.

Sebenarnya, sebelum ini tidak banyak pihak yang tahu bahawa walaupun TSN berkhidmat khusus kepada Sultan Johor, Baginda tidak pernah sekali pun mengeluarkan belanja bagi pasukan tersebut.

Sebaliknya, segala perbelanjaan termasuk untuk kelengkapan persenjataan, gaji dan uniform TSN adalah diperolehi dari peruntukan Kerajaan Negeri Johor.

Sebab itulah ramai rakyat jelata, khususnya di Johor, yang mengkagumi tindakan Tan Sri Haji Muhyiddin yang berani meminta Kerajaan Persekutuan membubarkan TSN.

Mereka sedar bahawa kewujudan TSN yang amat digeruni itu memang membazirkan wang rakyat. Mereka juga sedar bahawa tidak mudah untuk mengambil keputusan membubarkan TSN kerana pastinya ia mendapat tentangan hebat daripada Sultan Johor.

Berita mengenai cadangan membubarkan TSN yang dibuat oleh Tan Sri Haji Muhyiddin telah mendapat perhatian seluruh rakyat Malaysia. Berita tersebut juga dilaporkan di semua akhbar tempatan sebagai bahan berita utama di muka depan.

Ini adalah kerana berlakunya banyak peristiwa sejak beberapa tahun lampau yang melibatkan anggota-anggota TSN. Majoriti rakyat menyifatkan segala insiden tersebut sebagai zalim, tidak sopan dan juga merupakan pencabulan dari segi kuasa yang diberikan kepada pasukan tersebut.

Segala peristiwa tersebut selama ini terpendam begitu sahaja kerana tidak sesiapa berani tampil ke depan untuk membuat kenyataan secara terbuka. Jika ada pun aduan dibuat kepada polis, tidak ada apa-apa tindakan yang akan diambil mengenainya.

Antara pencabulan kuasa askar TSN ialah menyaman pemandu yang dikatakan sengaja menghalang perjalanan kenderaan, walaupun dalam banyak kes, tiada kesalahan sebenarnya yang telah dilakukan oleh para pemandu yang disaman itu.

Bagaimanapun, segala tindakan askar TSN yang mencanggahi undang-undang itu dilakukan atas arahan ataupun titah. Mereka patuh kepada perintah, walaupun perintah yang memudaratkan orang ramai yang tidak berdosa.

Contohnya, apabila seseorang pemandu dikatakan menghalang perjalanan kereta Diraja, askar TSN akan dititahkan "*menahan*" pemandu terbabit. Kadang-kadang, pemandu berkenaan juga akan dikasari tanpa belas kasihan.

Setelah menerima arahan tentang berapakah jumlah saman yang dikenakan atas pemandu terbabit, askar TSN akan mengiringi pula pemandu itu ke balai polis untuk menerima saman dari pihak berkuasa.

Jadi apabila Tan Sri Haji Muhyiddin menyatakan pada 13 Ogos 1993 bahawa TSN akan dibubarkan, kenyataan itu disambut dengan perasaan lega oleh semua lapisan rakyat Johor dan rakyat di luar Johor yang memahami karenah TSN.

Menurut sejarahnya, TSN wujud dengan termeterainya Perjanjian Setia pada 11 Disember 1885 antara Almarhum Sultan Abu Bakar, Sultan Johor ketika itu, dengan Frederick Arthur Stanly selaku wakil Kerajaan British, di Colonial Office, London. Tugas TSN adalah untuk membantu pasukan polis ketika itu dalam tugas-tugas pengawalan ke atas Sultan dan Sultanah Johor.

Tidak lama lagi TSN akan dibubarkan. Ini bererti tidak akan ada lagi askar TSN yang akan menghantui pemikiran rakyat Johor. Rakyat amat berterima kasih kepada Kerajaan Pusat. Mereka juga mengkalungkan penghargaan kepada keberanian Tan Sri Haji Muhyiddin.



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama rakan sejawatannya Tan Sri Ramli Ngah Talib.*





*Tan Sri Haji Muhyiddin mengiringi Sultan Johor sempena perasmian  
Pembukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor.*

## SULTAN JOHOR BERSYUKUR

TAN SRI Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin dan seluruh rakyat jelata berasa amat bertuah dan gembira bila Sultan Johor berkenan merasmikan pembukaan Penggal Persidangan Yang Ke empat Dewan Undangan Negeri Yang Kelapan pada 17 Jun 1993.

Di majlis yang penuh istiadat itu Sultan Johor bertitah: *"Kita semua hendaklah mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana isu Pindaan Perlembagaan Malaysia telah dapat diselesaikan dengan aman dan melalui semangat musyawarah bagi kepentingan rakyat sekalian."*

Biarpun hanya seperenggan, kenyataan di atas adalah satu kenyataan yang sukarela, amat penting, sungguh bermakna serta mempunyai implikasi yang luas.

Kenyataan tersebut mencerminkan keikhlasan. Ia membayangkan penerimaan. Ia juga memmanifestasikan bahawa Pindaan Perlembagaan mengenai Raja-Raja memang dilakukan demi kepentingan rakyat seluruhnya.

Lebih penting lagi, kehadiran Sultan Johor untuk merasmikan pembukaan persidangan Dewan Undangan Negeri dan kenyataan Sultan seperti di atas, jelas membuktikan bahawa hubungan Istana dengan Kerajaan Negeri, khususnya hubungan Sultan dengan Tan Sri Haji Muhyiddin, memang telah pulih seperti sedia kala.

Sebab itulah sewaktu menggulung perbahasan di Dewan Undangan Negeri pada 20 Jun 1993, Tan Sri Haji Muhyiddin berkata: "*Sesungguhnya kehadiran Baginda Tuanku akan memperkukuhkan lagi hubungan Istana dengan Kerajaan.*"

Kenyataan Sultan Johor juga bermakna bahawa segala perkembangan yang berlaku sebelumnya kini telah disimpan dalam lipatan sejarah. Ini termasuklah kisah-kisah percubaan Parti Semangat 46 yang berusaha memperdayakan Sultan Johor untuk mengadakan perhimpunan bersama rakyat di Istana Besar Johor Bahru.

Kisah-kisah lain termasuklah tentang Tunku Mahkota menghadiri siri ceramah propaganda menentang Pindaan Perlembagaan anjuran Parti Semangat 46 di beberapa Felda dan cerita-cerita tentang beberapa Kerabat Diraja Johor bergerak aktif di daerah-daerah untuk berganding bahu dengan parti pembangkang, kononnya untuk mencari sokongan rakyat supaya menentang Kerajaan.

Kenyataan Sultan Johor seperti di atas juga menjadi permulaan satu era baru perhubungan rakyat dan Istana di Johor. Sebelum krisis Istana tercetus dan sebelum isu Pindaan Perlembagaan berakhir, sebilangan besar rakyat jelata Johor memang sentiasa takut untuk berinteraksi dengan pihak Istana.

Dalam kata-kata lainnya, sebelum ini psikologi takut kepada Sultan memang sentiasa menyelubungi jiwa sebilangan besar rakyat Johor. Mudah-mudahan kenyataan Sultan Johor seperti di atas menandakan

bermulanya satu era baru di mana hubungan rakyat dan Istana di masa akan datang jadi lebih mesra berdasarkan konsep hormat menghormati antara satu sama lain.

Dalam konteks nasional, kenyataan Sultan Johor membuktikan bahawa sebenarnya Baginda adalah seorang yang rasional, tidak berdendam dengan kepemimpinan negara dan sentiasa berjiwa rakyat.

Ini dibuktikan apabila di akhir titahnya Sultan Johor merakamkan penghargaan kepada kepemimpinan Kerajaan Pusat. Titah Baginda: *"Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah memberi kerjasama dan sokongan kepada Kerajaan Negeri Johor."*

Segala yang dihuraikan di atas berlaku lebih kurang enam bulan sejak tercetusnya krisis Bukit Serene yang mendorong kepada Pindaan Perlembagaan Persekutuan mengenai Raja-Raja.

Inilah hasil kebijaksanaan kepemimpinan dalam menangani isu Pindaan Perlembagaan. Di peringkat Pusat, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Dato' Seri Anwar Ibrahim, bekerja kuat menangani isu tersebut. Di Negeri Johor, segala-galanya ditangani oleh Tan Sri Haji Muhyiddin.

Begitulah akhirnya krisis Istana di Johor. Tanpa kebijaksanaan pastinya isu tersebut akan berlarutan serta meninggalkan rasa sengketa yang amat dalam dan parah. Tanpa kebijaksanaan, pastinya situasi yang tegang sukar untuk pulih seperti sediakala dengan mudah dan cepat.



*Tan Sri Haji Muhyiddin bersama rakan-rakan sejawatannya.*



*Tan Sri Haji Muhyiddin sering jadi mangsa keadaan,  
tetapi matang dalam mengharungi cabaran.*



*Berlari bersama rakyat sempena Larian Antarabangsa Johor 1992.*

**KESINAMBUNGAN  
KEPEMIMPINAN**



**UMNO MEMERLUKAN PARA  
PEMIMPIN YANG CUKUP BESAR  
JIWANYA, CUKUP TEGAS  
PENDIRIANNYA DAN CUKUP  
BERWIBAWA UNTUK  
MENGHADAPI MASA DEPAN YANG  
PASTI DEMIKIAN MENCABAR.  
MAKA ITU UMNO MEMERLUKAN  
PEMIMPIN MUDA YANG DINAMIS  
DAN BERWAWASAN.**

## **PEMIKIRAN MUHYIDDIN TENTANG KEPEMIMPINAN**

KEPEMIMPINAN adalah elemen terpenting dan utama untuk menjamin survival bangsa. Daya juang dan kebijaksanaan kepemimpinan akan menjamin kejayaan dalam menangani dan menyelesaikan sebarang masalah dan cabaran besar di hari muka. Sebab itu, semua pihak wajar prihatin terhadap soal kepemimpinan Malaysia akan datang.

Keprihatinan terhadap soal ini adalah penting kerana dekad yang ke-21 yang akan tiba dalam tempoh beberapa tahun lagi merupakan dekad kemakmuran di rantau Asia-Pasifik. Perkembangan-perkembangan mutakhir membuktikan bahawa rantau ini akan jadi pusat pertumbuhan yang terkemuka.

Dalam dekad ke-21, dunia jadi semakin kecil akibat ledakan maklumat, sistem telekomunikasi yang paling canggih dan sistem perhubungan antarabangsa yang semakin pantas. Keadaan seperti ini membolehkan segala pergolakan global diikuti secara lebih dekat oleh seluruh komuniti antarabangsa.

Abad ke-21 adalah satu realiti. Maka, barisan kepimpinan Malaysia yang akan datang mestilah mengambil kira segala perkembangan yang sedang berlaku di seluruh dunia, perlu mampu menangani persoalan politik setempat, berupaya menangani masalah ekonomi sejagat dan berupaya menangani masalah sosio-ekonomi di negara ini sendiri. Jika me-

reka gagal untuk mengatasi masalah tersebut, kepemimpinanannya pasti tidak akan dapat bertahan lama.

Pendapat ini berdasarkan trend yang sedang berlaku di seluruh dunia sekarang. Contohnya, kini ramai pemimpin dunia, seperti di Amerika Syarikat, Great Britain dan Jepun, yang tidak mampu bertahan lama akibat kegagalan mereka menangani permasalahan sosio-ekonomi yang mencetuskan konflik dan keadaan yang tidak stabil di negara terbabit.

Oleh itu, sebagai persiapan untuk menghindarkan contoh-contoh di atas dari berlaku di sini, kepemimpinan Malaysia akan datang mesti berupaya menangani isu-isu dalaman dan mampu menganalisis segala perkembangan antarabangsa yang mempunyai kesan secara langsung kepada negara ini.

Sebab itu, bila kita membicarakan soal kepemimpinan masa depan di Malaysia, kita tidak dapat lari dari beberapa soal pokok mengenainya. Di antaranya termasuklah soal siapakah yang layak menjadi pemimpin Malaysia di masa akan datang? Apakah kualiti kepemimpinan yang perlu dimiliki oleh pemimpin berkenaan? Apakah arah dan haluan kepemimpinannya? Dan, apakah pula dimensi kepemimpinannya untuk menjamin survival, kejayaan dan kecemerlangan rakyat dan negara?

Oleh itu, kepemimpinan Malaysia akan datang bukan sahaja mesti berupaya jadi pembimbing, malahan mesti memiliki sifat-sifat luhur, kehebatan daya intelek, kefahaman tentang cita rasa masyarakat, kebijaksanaan ketika memimpin dan mampu menterjemah

wawasan negara demi kepentingan umat pimpinannya.

Kepemimpinan akan datang mesti mampu menangani masalah dalaman di sebuah negara majmuk. Lebih tepat lagi, kepemimpinan itu mesti berupaya mewujudkan dan memelihara keharmonian kaum dan perpaduan negara. Kegagalan menangani permasalahan tersebut dengan cermat akan membangkitkan konflik dan menyebabkan politik negara jadi tidak stabil.

Kepemimpinan Malaysia akan datang juga perlu bijak menangani tuntutan, masalah dan kepentingan orang Melayu yang kian terpelajar dan terdedah kepada perkembangan sejagat.

Dalam soal perjuangan meningkatkan tahap ekonomi orang Melayu, kepemimpinan akan datang mesti sedar bahawa teras kepada dasar pembangunan negara ialah pembangunan berasaskan kepada usaha membasmi kemiskinan dan menseimbangkan kedudukan masyarakat berbilang kaum.

Dalam pada itu, soal ekonomi orang Melayu adalah satu agenda yang belum selesai. Oleh itu, tuntutan agar penyertaan masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi perlu dipertingkatkan, harus dijadikan satu agenda perjuangan yang berterusan.

Dalam pada itu, wajar kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah membawa Malaysia ke satu ambang kecemerlangan yang mungkin tidak dimimpikan sebelum ini.

Dasar-dasar yang telah beliau ketengahkan, walaupun pada awalnya tidak mudah difahami, kini terbukti berjaya. Dasar-dasar ini, sebelumnya, telah dijadikan sebab utama mengapa Dato Seri Dr. Mahathir ditentang hebat dalam pemilihan pucuk pimpinan UMNO dalam tahun 1987, yang kemudiannya menyebabkan UMNO diharamkan.

Tapi, hari ini soal-soal seperti itu sudah mula difahami. Hari ini, Proton Saga, Proton Wira dan pembinaan kapal terbang baru, menjadi satu manifestasi bahawa dasar-dasar yang dahulunya tidak difahami dan dianggap tidak sesuai, kini sudah mula diterima.

Kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir sudah pun berjaya mendedahkan Malaysia sebagai negara yang terkemuka di rantau ini. Dalam pembangunan ekonomi, Malaysia telah menunjukkan contoh-contoh yang baik. Di antaranya adalah dasar-dasar yang lebih pragmatik untuk menggalakkan pelaburan dan menyediakan berbagai-bagai insentif.

Kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir juga telah berjaya menonjolkan Malaysia sebagai sebuah negara yang diiktiraf sebagai pemimpin di kalangan Dunia Ketiga. Pandangan berani Perdana Menteri diterima oleh negara-negara tersebut. Atas asas-asas ini, Dato Seri Dr. Mahathir kini diterima seorang negarawan di kalangan negara-negara membangun.

Maka, jelaslah bahawa kepemimpinan Dato Seri Dr. Mahathir adalah contoh kepada kepemimpinan yang bijaksana dan sensitif kepada perkembangan sejagat. Ini menjadikan Malaysia sebagai model, bukan sa-

haja dalam bidang ekonomi, tetapi juga bidang-bidang yang lain.

Contoh paling nyata di sini adalah peranan yang dimainkan oleh Malaysia di forum antarabangsa. Malaysia telah berjaya menangani persoalan-persoalan genting dan kritikal, seperti yang berkait dengan isu-isu Palestin, isu Kemboja, Timur Tengah, Afrika Selatan, Somalia serta Bosnia-Herzegovina. Masalah lain termasuklah masalah-masalah di kalangan OIC dan ASEAN.

Saya menghuraikan persoalan ini untuk mencari perbandingan kepada corak kepemimpinan Malaysia akan datang, khususnya mengenai soal kepemimpinan dalam UMNO. Perkembangan terbaru yang kita hadapi sekarang ialah pertandingan memilih pucuk pimpinan UMNO. Soal ini sedang mendapat perhatian yang hangat dari semua pihak. Soal pokok dalam konteks ini ialah, siapakah bakal mengambil alih kepemimpinan UMNO di waktu akan datang.

Persoalan ini penting. Banyak orang asing, termasuk tokoh korporat, pernah bertanya kepada saya: "*who is next after Dr. Mahathir*" atau "*siapakah selepas Dr. Mahathir*".

Saya tidak tahu kenapa orang-orang di Hong Kong, Jepun dan Amerika Syarikat, bertanya tentang soal ini sedangkan kalau mengikut proses tradisi biasa, kepemimpinan Malaysia ini adalah jelas.

Selepas Perdana Menteri, adalah menjadi kelaziman untuk Timbalannya mengambil alih. Perkara ini sudah diterima. Tetapi, isu ini dibangkitkan dalam saat-saat sekarang.

Apakah itu memberikan satu petanda bahawa bukan sahaja masyarakat Malaysia, tetapi masyarakat antarabangsa juga mahu melihat isu kecemerlangan kepemimpinan, seperti yang dimiliki oleh Dato Seri Dr. Mahathir, perlu diterima sebagai satu perkara yang penting.

Sebab itulah, bila berhadapan dengan isu-isu begini, tokoh-tokoh kepemimpinan UMNO berbincang secara serius. Mereka berada dalam situasi yang agak sukar kerana soal ini mengambil kira berbagai soal yang biasa difaham, seperti soal tradisi, soal pertandingan, soal perjuangan dan pengorbanan pemimpin yang ada.

Tetapi, bila kita berbicara dan berbincang dengan banyak pihak, ramai di kalangan mereka yang mahu perkara ini diselesaikan. Jadi, persoalan yang dihadapi sekarang tidak hanya berkisar mengenai soal pengganti. Yang lebih utama dan paling pokok ialah soal untuk menangani permasalahan-permasalahan yang lebih besar dalam menghadapi abad ke-21 yang begitu hebat.

Atas alasan ini, rakan-rakan kepemimpinan dan Ketua-Ketua UMNO dari Perhubungan Negeri, Menteri-Menteri Besar dan sebilangan besar Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO bersependapat bahawa kita terpaksa membuat sesuatu perubahan dan pembaharuan sebagai satu proses "penyuntikan darah baru" yang lebih bertenaga. Sebab itulah kita anjurkan Dato' Seri Anwar Ibrahim diketengahkan sebagai calon Timbalan Presiden UMNO.

Kita berpuashati dengan keputusan tersebut. Oleh itu semua pihak wajar faham bahawa keputusan ini bukan satu langkah untuk menidakkan sumbangan Encik Ghafar Baba. Ia juga bukan satu usaha untuk mengengapikan segala khidmat bakti yang telah dicurahkan selama lebih 40 tahun dalam UMNO. Jauh sekali dari hendak menidakkan pengorbanan besar Encik Ghafar.

Tetapi, bila terdapat sesuatu isu besar seperti ini, maka mahu tidak mahu, kita mesti menghadapinya dengan berani. Yang penting bukan individu atau personaliti. Tetapi, yang pokoknya ialah kepemimpinan Malaysia di masa depan.

Memang ada sesetengah pihak yang mengatakan bahawa pemimpin itulah personaliti. Mungkin pendapat ini betul. Tetapi, tidak semuanya betul. Jadi, bila kita membincangkan soal kepemimpinan, kita tidak boleh lari dari melakukan perubahan kerana perubahan ini perlu untuk menyediakan Malaysia menghadapi cabaran-cabaran yang lebih besar dan saingan yang lebih hebat baik di peringkat negara atau antarabangsa.

Malaysia memerlukan satu barisan kepemimpinan yang lebih mantap, mempunyai wawasan, keupayaan, kebijaksanaan serta ketrampilan yang lebih daripada waktu yang lepas-lepas. Hakikat ini penting kerana Malaysia kini sudahpun diletak dan diangkat ke satu tahap dan martabat yang begitu tinggi. Persoalan yang utama dan wajar dalam konteks ini ialah, bolehkah taraf dan martabat itu dipertahankan ?



Perubahan kepemimpinan ini juga penting untuk membolehkan Malaysia meningkatkan lagi kemajuan dan kecemerlangannya di masa hadapan. Dalam pada itu, kita perlu mengambil kira bahawa ada faktor-faktor luaran yang cuba bermain di persekitaran kita yang perlu ditangani dan diatasi. Jika kita lalai, faktor dan elemen ini mungkin akan mengancam kita dan kita akan berhadapan dengan satu keadaan yang lebih sukar.

Oleh itu, wajar saya ulangi di sini bahawa pembangunan ekonomi berkait rapat dengan soal kepemimpinan masa akan datang. Kalau soal sosio-ekonomi tidak dapat di atasi, sudah pasti kepemimpinan berkenaan tidak dapat bertahan lama.

Maka, berdasarkan kepada perkembangan yang berlaku pada hari ini, persoalan yang perlu kita hadapi dalam mengatasi masalah-masalah pokok, ialah sama ada kita dapat mengengahkan kepemimpinan yang berupaya untuk menghadapi dekad yang lebih mencabar di masa akan datang.

Dalam konteks ini, kepemimpinan masa depan perlu melihat kepada perkembangan dan senario politik yang berlaku di rantau ASEAN. Segala pengamatan kepada senario ini hendaklah merangsang gagasan kerjasama dengan lain negara di rantau ini.

Kalau sekiranya kepemimpinan Malaysia tidak berupaya mengengahkan satu dasar luar yang berkesan atau gagal menjalin hubungan dan kerjasama antarabangsa yang baik, pasti kepemimpinan tersebut tidak mampu menangani persoalan-persoalan yang lebih mencabar dalam dekad akan datang.

Kepemimpinan akan datang perlu melihat lebih jauh semua perkembangan yang berlaku di rantau Asia-Pasifik. Isu-isu yang berkait dengan perkembangan dunia juga harus diteliti sedalam-dalamnya bagi mewujudkan dasar luar yang berkesan. Ini penting bagi menghasilkan kestabilan politik.

Malaysia memerlukan kepemimpinan yang lebih mantap untuk menghadapi persoalan-persoalan yang lebih penting, iaitu bagaimana hendak menjadi lebih berjaya dan lebih cemerlang.

Isu seperti ini harus dilihat dari konteks kepemimpinan kita. Kalau dulu mungkin kita boleh menggunakan pengalaman lama, tetapi menjelang tahun 2000, dengan pelbagai teknologi maklumat yang canggih, dengan ledakan maklumat yang begitu hebat, kalau kita tidak menyediakan barisan kepemimpinan yang kuat dan mantap, maka ledakan itu akan meledakkan kita sendiri.

Oleh itu, proses demokrasi dalam UMNO yang telah pun diamalkan sejak dahulu, mestilah memungkinkkan kepemimpinan diketengahkan sesuai dengan tuntutan dan realiti semasa.

Kepemimpinan terdahulu sudahpun melaksanakan tanggungjawab membina kekuatan bangsa. Kepemimpinan baru pula harus menangani dan menyelesaikan realiti baru yang memerlukan satu daya juang baru yang sesuai dengan tuntutan masa depan.

Sebab itulah dalam soal-soal sebegini, kita harap proses perubahan kepemimpinan, khususnya dalam UMNO, akan berlaku dan akan membawa satu masa depan yang lebih cemerlang.



*Calon Timbalan Presiden Dato' Seri Anwar dan Calon Naib Presiden, Tan Sri Haji Muhyiddin sedang berbicara sesuatu sambil diperhatikan oleh Dato' Mohamed Rahmat.*

## UMNO PERLU JAUHARI BUKANNYA MANIKAM

PADA 4 November 1993 ini UMNO akan sekali lagi memilih barisan kepemimpinan tertingginya, satu ritual yang sudah bermula sejak ia terasas. Pemilihan kali ini penuh drama dan suspen. Mungkin juga hebat dan mendebarkan.

Bagi sesetengah golongan, terutamanya yang muda, pemilihan ini merupakan *peluang sepanjang hayat* yang harus digunakan sebaik-baiknya. Masa dan kesempatan bagi mereka tidak akan datang lagi kerana pertimbangan usia dan kesempatan yang ada.

Tidak ada salahnya mereka bertanding kerana proses demokrasi dalam UMNO membenarkan hal itu. Bagaimanapun, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan asal sahaja tidak diulang *cara-cara berkempen yang tidak sihat*, perpaduan parti pasti tidak terjejas.

Di dalam UMNO ada jentera yang tersendiri yang akan menentukan pola pemilihan dan kemenangan calon-calon. Sebab itu pemilihan 1990 telah memberikan kemenangan pada tiga calon dari Utara bagi jawatan Naib Presiden.

Bagaimanapun, pertandingan Naib Presiden kali ini tentulah lebih hebat memandangkan penglibatan nama-nama seperti Tan Sri Haji Muhammad Muhd. Taib, Tan Sri Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin dan Dato' Seri Najib Tun Razak.

Ketiga-tiga tokoh yang berwibawa ini menawarkan diri bagi tiga tempat yang kini dipegang oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Sanusi Junid.

UMNO sudah jauh berbeza daripada apa yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar pada tahun 1946. UMNO sudah jauh lebih dewasa, lebih canggih dan lebih yakin daripada UMNO tahun 1946. Sepanjang usianya ia telah dibentuk oleh keadaan, dimatangkan oleh krisis dan diperkecapi oleh keyakinan ahli-ahlinya.

Kelangsungan dan kesinambungan UMNO banyak bergantung pada kesediaannya membuat penyesuaian serta sifat dinamisnya bagi menghadapi sebarang dugaan.

UMNO juga telah menyaksikan kebangkitan serta kejatuhan tokoh demi tokoh. Ia telah menjadi maju, makmur dan berharta berkat pandangan jauh para pemimpinnya.

Kemajuan UMNO ada kaitannya dengan kedudukan ekonomi ahli-ahlinya juga. Hari ini ahli-ahli dan para perwakilan UMNO sudah jauh berbeza daripada sebelumnya.

Dasar Ekonomi Baru telah melahirkan satu generasi usahawan dan peniaga Melayu yang mulai mengambil alih peranan yang dimainkan oleh para guru, pentadbir dan orang kampung satu ketika dahulu.

Mahu tidak mahu, UMNO juga harus menangani segala bentuk penyakit dan sindrom yang berkait dengan *kemewahan* anggota dan perwakilannya.

UMNO harus secara realistik menyedari bahawa di sebalik segolongan pemimpin dan anggotanya yang mahu bergerak maju ke hadapan dan berfikiran besar, masih juga terdapat sebahagian yang masih diikat oleh tali temali nilai yang lapuk.

Krisis terbaru mengenai isu Raja jelas memperlihatkan bahawa masih terdapat ahli-ahli UMNO sendiri yang tidak menyedari perbezaan di antara kuasa mutlak dengan kuasa di dalam sistem Raja Berperlembagaan.

Bilangan ahli UMNO yang keliru ini diburukkan lagi dengan kegagalan kempen berkesan pada peringkat akar hingga ada kalanya ahli UMNO sendiri membawakan suara bangkangan dan dakyah parti Semangat 46.

Bilangan ini tentunya kecil. Tetapi UMNO sekalipun dalam keunikan, kepelbagaian dan ragam ahlinya, harus sepakat dalam menghadapi isu dan polemik sebesar ini.

Sejak Dato' Onn, pemimpin UMNO telah terbentuk, terencana malah terlihat keunggulannya melalui krisis. UMNO sendiri terasas oleh kebangkitan rakyat Melayu menghadapi ancaman pemerintahan Malayan Union.

Tanpa Malayan Union, mungkin UMNO tidak wujud. Selain pelbagai krisis dalam sejarahnya, isu pindaan Perlembagaan juga telah menampilkan tokoh dan pemimpin UMNO yang sebenar.

UMNO memerlukan tokoh yang berkaliber UMNO juga harus dipimpin oleh mereka yang rasional dan terbuka. Tetapi, pada waktu yang sama, tegas dan lan-

tang menyuarakan suara bangsa Melayu dan kepentingan agama.

Pemimpin UMNO boleh menjadi suara kesederhanaan, pada waktu yang sama menjadi garang dan mengancam.

Dalam konteks ini, UMNO memerlukan para pemimpin yang cukup besar jiwanya, cukup tegas pendiriannya dan cukup berwibawa untuk menghadapi masa depan yang pasti demikian mencabar. Maka itu UMNO memerlukan pemimpin muda yang dinamis dan berwawasan.

UMNO harus menjadi parti moden. Maka itu, mekanisme pentadbiran dan minda pemimpin dan ahlinya harus digerakkan. Dato Seri Dr. Mahathir pernah menjadi tidak popular kerana beliau terlalu cepat, terlalu mengasak dan terlalu berfikiran jauh.

Sekarang UMNO sudah mulai boleh membaca fikiran Dato Seri Dr. Mahathir. Namun demikian, sesekali beliau kecewa juga apabila para perwakilan yang kadangkala oleh kerana terlalu asyik berpantun, bersejoka dan bermadah, atau ghairah menghentam sesama sendiri, terlupa amanat beliau yang lebih besar atau visi yang perlu ditanggapi.

Di sebalik hawa dingin dan kecanggihan teknologi di Dewan Merdeka, agaknya dek riuh rendah dan sorak-sorai serta tepukan bergemuruh, ada kalanya isu lapuk dan persoalan cabang masih terus menguasai perdebatan sidang.

UMNO sebenarnya memerlukan kebijaksanaan lama, pada waktu yang sama ketegasan dan iltizam

yang baru. UMNO harus menjadi parti golongan industrialis, usahawan, pemimpin korporat, pemikir, selain menjadi parti petani, nelayan, buruh, orang lama dan orang tua.

Yang lama masih berguna memberi ingat dan nasihat. Yang baru diperlukan membawa UMNO ke masa depan. Itulah keunikan UMNO yang menggandingkan kebijaksanaan lama dengan keyakinan dan kewarasan yang baru.

Maka itu, pertandingan pucuk pimpinan UMNO, walau pada peringkat manapun, tidak harus dikhuatirkan. UMNO sudah terlalu dewasa untuk menghadapi apa sahaja kemungkinan.

Tambahan pula parti itu sudah mulai mengenal siapa tukang sorak dan tukang tepuk, selain tukang ampu dan tukang pujuk serta mereka yang membaling batu sembunyi tangan. Parti itu sudah lama mengenal mana satu jauhari dan mana satu manikam.

Ahli-ahli UMNO harus secara bijaksana membuat keputusan sekali ini, meletakkan para pemimpin sebenar pada tempat yang sewajarnya.

UMNO berada di ambang abad ke-21. Kerana itu, ahli-ahli UMNO dan para perwakilan tidak boleh tersilap langkah. Merekalah yang boleh menentukan ke arah mana UMNO harus dibawa sekali ini apabila mereka membuat keputusan kelak.

Pada masa ini elok juga kita memperingatkan semula slogan *Hidup Melayu* untuk UMNO yang dilaungkan oleh pengasasnya, Dato' Onn.



Beliau memilih cogan kata itu dengan harapan ia akan memelihara semangat, maruah serta kesopanan bangsa Melayu dan dapat memelihara tanah air dan bangsa tercinta.

UMNO boleh berubah dengan zaman, tetapi semangat dan slogan asalnya harus terus kekal.

Di tangan para perwakilan pada 4 November 1993 terletak masa depan UMNO.



*Semoga perjuangan mereka sentiasa diberkati Allah SWT.*